

Jilid I
Bil. 95



Hari Rabu
25hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15641]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 34 [Ruangan 15692]

Maksud B. 44 [Ruangan 15713]

Maksud B. 45 [Ruangan 15747]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P. 34 [Ruangan 15692]

Maksud P. 44 [Ruangan 15713]

Maksud P. 45 [Ruangan 15747]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL. S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YOUNG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu),
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN Nc CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR. D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri. DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.I., J.M.N., S.M.I., P.P.T. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO" K. PAIHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABAING HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbaian Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempot).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menten di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

Yang Berhormat DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).

- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL AsANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAPAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.M.M., S.P.N.S, (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P, PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., PC., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM. A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., PLS. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAN, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan),
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi),
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

Yang Berhormat DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,
B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,
P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Katsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 25hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****PELANCONG LUAR NEGERI—
SIKAP NEGATIF**

1. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh Kerajaan kepada pelancong-pelancong luar negeri, khususnya dari barat, supaya mereka tidak terlampau bersikap negatif yang boleh menjejaskan negara kita dan hcrakhlak mulia supaya tidak memberi kesan yang buruk kepada belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, semua pelancong-pelancong luar negeri yang datang ke Malaysia termasuklah pelancong-pelancong dari negara-negara Barat adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dt negara kita ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak perlu menguatkuasakan satu peraturan yang khusus terhadap pelancong-pelancong luar negeri kerana peraturan-peraturan tertentu telah pun sedia ada sekarang.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai satu langkah menggalakkan industri pelancongan banyak negara kini mengecualikan para pelancong daripada mengambil visa ataupun memudahkan proses untuk mendapatkan visa. Saya ingin mengetahui sama ada pihak Kerajaan juga bercadang membuat demikian. Kalau tidak, apakah sebab-sebabnya?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kita mempunyai perjanjian berkenaan dengan visa ini dengan banyak negara-negara, ertinya banyak rakyat negara-negara berkenaan yang tidak perlu mengambil visa untuk datang ke negara kita, dan bagi negara-negara Commonwealth selain daripada negara India, tidak perlu mendapat visa untuk melawat Malaysia.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri:

- (i) Rakyat dari negeri manakah yang paling ramai sekali melancong ke Malaysia?
- (ii) Berapakah jumlah pertukaran wang asing yang diperolehi daripada industri pelancongan tersebut?
- (iii) Adakah benar kekurangan hotel-hotel kelas 3 dan kelas sederhana menyebabkan pelancong kurang datang ke negara kita?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebagai pelancong, rakyat yang ramai sekali yang datang ke negara kita ialah rakyat Singapura. Ini berjumlah kira-kira 2 juta orang setahun. Apabila kita sebutkan pelancong adalah mereka yang datang ke mari yang tinggal di sini lebih daripada satu malam. Selepas Singapura ialah negara Siam, kira-kira 190,000, kemudiannya Jepun, kira-kira 150,000 orang.

Berkenaan dengan jumlah tukaran wang asing yang kita dapat, bagi tahun 1985 ialah kira-kira \$1.4 bilion ataupun \$1,400 juta. Bagi tahun lepas \$1,568 juta ataupun \$1,568 bilion.

Berkenaan dengan soalan ketiga, tentang hotel kelas 3, Tuan Yang di-Pertua, ini ada juga betulnya kerana sebelum ini, maksudnya dalam setahun/dua yang sudah hotel kita agak mahal dari segi sewanya, maka kurang berkemampuan sesetengah pelancong. Maka itu hotel kelas 3 yang lebih murah sewanya tentulah menggalakkan pelancongan datang ke mari. Tetapi sejak setahun yang baru ini hotel kelas 1 di negara kita pun telah mula turun sewanya berbanding dengan sewaan hotel di negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Ahti Yang Berhormat, bahawa kalau sekiranya hotel kelas 3 lebih banyak lagi kemungkinan lebih banyak pelancong berupaya datang ke negara kita.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa jumlah pelanggaran peraturan-peraturan tertentu yang telah dilakukan oleh pelancong-pelancong luar negeri di negara kita dan kalau ada, apakah tindakan yang telah diambil kepada pelanggar peraturan yang telah dibuat dan apakah kesan-kesan negatif, katau ada, tindakan yang dibuat ke atas

pelanggaran peraturan yang tertentu oleh pelancong-pelancong daripada luar Malaysia.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang tepat untuk pelanggaran undang-undang di dalam negara kita ini yang dilakukan oleh pihak pelancong, tetapi yang nyata ialah sebahagian daripada yang kita dapat lihat di dalam akhbar berkenaan dengan penyalahgunaan dadah ini sudah ada yang kita gantung mereka yang datang dari luar negeri yang melanggar Undang-undang Dadah Berbahaya ini.

Di negara kita juga ada satu ordinan yang dinamakan Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil 1955, tetapi saya tidak ada angka-angka yang tepat. Kesalahan ini termasuklah misalnya seseorang yang melakukan sesuatu yang mungkin menyebabkan, dengan izin, public disturbance seperti pelancong itu dia bercium tengah jalan sehingga menyebabkan orang berkerumun menengok, ini salah, tetapi kalau hendak bercium orang tidak tengok tidak apa, seperti dia bercium dalam bilik tidak ada hal.

AKTA KERJA 1955— PERLUASAN

2. Tuan Hsing Yin Shean tntita Menteri Buruh menyatakan mengapakah Akta Perkhidmatan 1955 masih belum diperluaskan di Sabah dan Sarawak; apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan yang pekerja-pekerja dari dua negeri ini mendapat faedah dan perlindungan yang sama seperti negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh sedang giat berusaha untuk memperluaskan faedah-faedah yang

terdapat di bawah Akta Kerja 1955, ke Negeri Sabah dan Negeri Sarawak melalui pindaan-pindaan yang sesuai kepada Ordinan Buruh Sabah (Cap. 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Cap. 76) masing-masing. Kerjasama dan sokongan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam hal ini sedang diperolehi,

Pindaan-pindaan kepada Ordinan Buruh Sabah (Cap. 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Cap. 76) akan dilaksanakan sebagai sebahagian daripada kajian yang menyeluruh ke atas semua undang-undang buruh di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

MEMBACA/MENULIS JAWI BAGI PENUNTUT ISLAM

4. Dato' Zainal Abidin bin Johari minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar banyak penuntut-penuntut Islam di Sekolah Kebangsaan dan Menengah yang tidak tahu membaca Jawi dan tidak tahu membaca Quran. Kalau sedar, apakah tindakan diambil bagi mengatasi masalah besar ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedar ada penuntut-penuntut Islam di sekolah-sekolah rendah dan menengah tidak tahu membaca atau menulis Jawi dan membaca Al-Quran. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan telah memberi keutamaan kepada pelajaran asuhan membaca Al-Quran dan Pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah, melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Hasil kajian yang telah dibuat oleh Bahagian Pendidikan Islam pada bulan September, 1987 ke atas beberapa buah sekolah terhadap murid-murid di tahun 6, (sekolah percubaan KBSR) adalah didapati bahawa:

- (i) Yang boleh membaca Al-Quran 85.25%;
- (ii) Yang boleh menghafaz ayat-ayat Al-Quran seperti yang ditentukan dalam sukatan pelajaran 72.9%;
- (iii) Yang boleh membaca Jawi 65.7%; dan
- (iv) Yang boleh menulis Jawi 67.21%.

Di peringkat sekolah menengah pula, langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk mempertingkatkan lagi prestasi pelajaran tulisan Jawi dan membaca Al-Quran, dalam pendidikan Islam, berdasarkan kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Salah satu aspek kemahiran yang diberi penekanan ialah pelajaran membaca, memahami dan menghafaz Al-Quran dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5.

Untuk kemahiran tulisan dan bacaan Jawi pula:

- (i) buku-buku teks agama dicetak dan disediakan tulisan Jawi; dan
- (ii) guru-guru agama akan mengajar dengan menggunakan tulisan Jawi dalam pengajaran.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan berapa langkah telah diambil untuk memastikan kanak-kanak atau penuntut-penuntut Islam dapat menguasai tulisan Jawi. Di antara langkah yang telah diambil ialah pihak

Kementerian telah mengadakan buku-buku teks agama di dalam tulisan Jawi.

Saya ingin bertanya untuk menambahkan lagi minat dan menambahkan kemahiran kanak-kanak dalam tulisan Jawi ini, adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan skop buku-buku teks ini tidak hanya terbatas di dalam bidang agama sahaja kepada kanak-kanak di Darjah I hingga VI.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan Yang Berhormat itu buat masa kini kita belum ada cadangan, tetapi boleh diberi pertimbangan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai penggunaan khusus tulisan Jawi dan untuk mempertingkatkan prestasi serta kemahiran mengguna tulisan Jawi, satu perkara yang tidak sedar ataupun tidak diberi perhatian sekarang ialah surat-surat edaran keseluruhannya dalam tulisan Rumi. Jadi soalnya apakah Kementerian bercadang untuk sekolah-sekolah dibekalkan dengan mesin taip Jawi. Adakah galakan tertentu kepada Jurutaip (Typist) yang boleh menaip Jawi untuk menggalakkan penggunaan tulisan Jawi di sekolah-sekolah?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini memang diberi pertimbangan berat dan juga jikalau kita boleh mengadakan cara untuk memperkenalkan, mempertingkatkan dan memperkayakan lagi tulisan Jawi, kepada cadangan ini Kementerian akan memberi pertimbangan.

DASAR BUY BRITISH PRODUCT LAST"

5. Tuan Ahmad bin Omar mmta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak berakhirnya Dasar "Buy British Product Last", sejauh manakah ia

mempengaruhi hubungan dari segi penanaman modal dan perdagangan antara British dan negara-negara Blok Barat lain dengan negara kita Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai "Buy British Product Last" yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini telah pun dijawab dengan lengkapnya pada 23-11-87 oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa maklumat selain dari apa yang telah diberikan.

KEBUDAYAAN KEBANGSAAN— KESAN PELAKSANAAN

6. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah benar rungutan dari badan-badan budayawan bahawa dengan tertubuhnya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan maka kebudayaan kebangsaan akan menjadi barang dagangan dan ini akan menggagalkan matlamat pelaksanaan kebudayaan kebangsaan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan dan pelancongan meskipun merupakan dua entiti yang agak berbeza, tetapi kedua-duanya boleh dihubungkan dan saling membantu pembangunan ataupun kemajuan yang lain. Rungutan memang ada di kalangan budayawan tentang masalah ini. Dari segi penekanan bidang dan sebahagian besar dari pandangan mereka tidak menolak kemungkinan bahawa kebudayaan terutama bidang seni boleh membantu memajukan industri pelancongan.

Saya lihat pembangunan kebudayaan kebangsaan dalam ertikata yang meliputi bidang-bidang

utama seperti bahasa dan sastera, falsafah, adat resam, keilmuan dan pemikiran tidak boleh tidak mesti dikembangkan sebagai asas-asas perpaduan negara.

Dalam memajukan pelancongan, bidang kesenian pula patut ditingkatkan supaya nilai-nilai ekonomi dapat diberikan kepada seni tampak misalnya seni ukir, seni lukis, kraftangan, seni hias, seni foto, tekatan, anyaman, seni graphic, hasil-hasil tenunan dan pembuatan dari logam seperti perak, emas dan tembaga termasuk juga seni lakon, baik tradisi atau sezaman seperti Makyong, wayang kulit, bangsawan ataupun theater dan drama moden juga boleh dijadikan product yang menarik para pelancong.

Kita juga boleh memajukan seni muzik, baik tradisi ataupun moden seumpama simfoni orchestra, chamber ataupun seni tari sebagai daya tarikan pelancong dan pada masa yang sama memberi pulangan ekonomi pula yang boleh dimajukan kesenian tersebut,

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa dasar matlamat dan strategi pembinaan kebudayaan kebangsaan akan tetap diteruskan dan Kerajaan tidak berminat untuk memperkecil-kecilkan sekep ini. Kita harus mampu membezakan maksud barang dagangan dalam urusan niaga biasa dengan maksud nilai ekonomi yang akan kita beri kepada kesenian kita. Saya telah meminta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia ataupun TDC supaya memerhatikan hal ini dan bekerjasama dengan Bahagian Kebudayaan di Kementerian.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa kebudayaan merangkumi skop yang amat luas

sekali iaitu merangkumi bahasa, sastera, muzik dan lain-lain dan bagi Kementerian Pelancongan mungkin banyak bahagian-bahagian di bawah kebudayaan ini tidak ada hubung kait secara langsung, bahkan sebahagian besar dari kebudayaan ini adalah lebih sesuai diletakkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Jadi, soalan saya adakah pihak Kementerian atau Kerajaan akan mengkaji semula nama Kementerian ini dan skop Kementerian ini supaya Kementerian ini lebih sesuai dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kesenian dan Bahagian-bahagian Kebudayaan yang lain diletakkan di bawah Jabatan Perpaduan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan sebenarnya ialah cara hidup, meliputi segala-galanya. Yang Berhormat telah mencadangkan supaya dikaji semula supaya dinamakan Kementerian Kebudayaan dan Kesenian. Barangkali kalau kita hendak kaji bukan kebudayaan dan kesenian-kesenian dan pelancongan, ini barangkali kita tengok dahulu. Walau bagaimanapun, baru sangat lagi kita tukar nama ini, Kementerian pun baru lima enam bulan, kemudian kita tukar nama, kalau kita hendak tukar-tukar sekali lagi mahal hendak tukar-tukar kertas, hendak tukar-tukar chart.

Walaupun bagaimanapun, cadangan itu baik. Kita akan perhatikan supaya kita tidak meliputi dan tidak terlibat dalam bidang-bidang Kementerian-kementerian lain.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana industri pelancongan merupakan satu industri memberi keuntungan yang besar kepada hasil negara dan untuk menarik minat pelancong-pelancong yang datang ke negara ini dan

memberi ingatan apabila dia balik supaya dia datang lagi. Saya ingin tahu adakah pihak Kementerian ini bercadang untuk mengadakan pusat pelancongan di pintu-pintu masuk seperti di lapangan terbang atau di lain-tain tempat masuk sempadan ke negara ini yang dilalui oleh pelancong-pelancong apabila pelancong itu sampai sahaja menjejak kaki ke negara kita ini. mereka dapat melihat kebudayaan atau kesenian negara kita di lapangan terbang atau di kawasan-kawasan sempadan. Itu yang pertama.

Yang kedua, bagaimanakah usaha-usaha akan dijalankan oleh Kementerian ini untuk meningkatkan persembahan tarian atau kebudayaan Melayu atau kebudayaan kebangsaan di tempat-tempat hiburan seperti di hotel di seluruh negara kita ini supaya kebudayaan dan tarian Melayu ini dapat diketengahkan dan diketahui dengan cara mendalam oleh pelancong-pelancong atau pelawat-pelawat di tempat-tempat hiburan itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, walaupun dari segi cadangan untuk mengadakan pusat kesenian di pintu-pintu masuk ke negara ini baik, supaya pelancong-pelancong kita itu terus dapat melihat tentang kesenian kita, tetapi ada juga tidak baiknya kerana kalau mereka datang hendak menengok kesenian kita, dia masuk sahaja pintu, dia nampak, dia terus keluar rugi. Sebab kita hendak mereka duduk lama di sini untuk berbelanja selain daripada menengok keserjan kita berbelanja, tidur di hotel dan sebagainya supaya kita dapat hasil daripada kedatangan mereka ini, dengan izin, di dalam foreign exchange.

Berkenaan dengan soalan kedua, tidak ingat saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tolong ulangan, dia tidak Jngat.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan persembahan kebudayaan dan kesenian.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Ya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berhubung persembahan kesenian di hotel-hotel, sebenarnya dahulu memang ada beberapa hotel mengadakan pertunjukan kesenian tradisional di restoran-restoran mereka, misalannya di Hilton pun ada, tetapi barangkali oleh sebab keadaan ekonomi tidak baik, orang kurang datang ke hotel, dengan izin, rate of occupancy, di hotel ini berkurangan maka pertunjukan-pertunjukan kesenian ini telah diberhentikan.

Dalam pada itu, masih lagi terdapat satu, dua restoran di Kuala Lumpur ini yang menunjukkan, yang mengadakan pertunjukan kesenian waktu malam ertinya untuk ditonton oleh mereka yang datang ke restoran berkenaan makan malam di situ.

KLINIK DESA DI KAMPUNG MELANGKAP, KOTA BELUD

7. **Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan permohonan bagi pembinaan klinik kesihatan di kawasan Kampung Melangkap, Kota Belud, Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Klinik Desa di kawasan Kampung Melangkap, Kota Belud telah pun dipertimbangkan semasa penyediaan Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, dalam proses menentukan keutamaan keperluan perkhidmatan kesihatan bagi seluruh negeri Sabah, projek ini tidak dapat disokong untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Kementerian Kesihatan akan terus mengawasi keadaan kesihatan serta keperluan perkhidmatan kesihatan di kawasan ini dan berusaha untuk menyediakan perkhidmatan yang sewajarnya.

LOKASI TAPAK PEMBUANGAN SISA BERACUN

8. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada tapak pembuangan sisa-sisa beracun yang dicadangkan di Pulau Pinang telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri dan jika ya, beri lokasi tapak tersebut dan bilakah ianya akan mula beroperasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Alam Sekitar sedang membuat permohonan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan kajian secara terperinci.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian berkenaan telah mengambil langkah untuk memerlukan EIA dijalankan oleh projek Kerajaan Negeri itu sebelum projek ini dilaksanakan supaya EIA menjadi suatu pra-syarat sebagai pertimbangan sama ada menjalankan projek ini.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kajian terperinci itu dijalankan, Kementerian saya memang ada kriteria yang tertentu yang boleh dianggap sebagai langkah EIA dan kriteria ini ialah seperti berikut:

- (a) Tempat itu hendaklah mempunyai paras air bawah tanah yang rendah;
- (b) Mempunyai lapisan tanah liat yang tebal;

(c) Kedudukan tempat yang jauh dari kawasan kediaman dan dekat pengambilan air.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri jenis sisa-sisa beracun ini, sila nyatakan jenis-jenis dan juga saiz tapak yang diminta dan syarat-syarat dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan sama ada rancangan yang sama akan dilaksanakan di negeri-negeri lain yang menghadapi masalah mengenai pembuangan sisa-sisa beracun.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, keluasan kawasan yang dipohon untuk kajian adalah lebihkurang 100 hektar. Walau bagaimanapun, keluasan kawasan yang diperlukan untuk tapak pelupusan sisa-sisa beracun ialah lebihkurang 10 hingga 20 hektar.

Mengenai soal yang kedua itu, selain daripada permohonan yang dibuat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kementerian saya juga menjalankan usaha-usaha bagi memastikan tapak pelupusan yang sesuai di negeri-negeri seperti berikut: Selangor Darul Ehsan, Kedah, Negeri Sembilan dan Melaka.

Tentang soalan ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ada mempunyai senarai yang begitu panjang sisa-sisa toksid yang merbahaya ini yang meliputi lebihkurang 40 jenis industri dan lebihkurang 50 jenis sisa-sisa yang terlibat.

TOL TERTUTUP KONSESSI KHAS KEPADA PEKERJA

9. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kerjaraya memberi konsessi khas kepada pekerja-pekerja berpendapatan rendah yang membuat perjalanan berulang-alik ke Bangi, Kajang dan Kuala Lumpur dari Nilai

di mana sistem tol tertutup tersebut akan mempengaruhi kehidupan mereka.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhai Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang memberi konsessi khas kepada pengguna-pengguna lebuh raya tol yang membuatkan perjalanan berulang-alik ke Bangi, Kajang dan Kuala Lumpur di bawah sistem tol tertutup oleh kerana di bawah sistem itu kadar bayaran tol adalah dikenakan mengikut jarak jauh perjalanan sebenar tiap-tiap pengguna dan kadar bayaran tol yang dikenakan sekarang adalah rendah serta munasabah. Didapati seimbang dengan kos yang tinggi bagi membina dan menyelenggara lebuh raya, pengguna-pengguna juga boleh menggunakan jalan raya lama sebagai pilihan dari Nilai ke tempat-tempat yang dimaksudkan itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan mengutip duit dengan cara tol ini adalah cara yang paling senang untuk mengutip wang. Bagaimana kalau sekiranya Kerajaan membenarkan sesebuah kampung yang ada jalan menuju ke kampung itu diwujudkan tol dan wang yang dikutip digunakan untuk membangunkan kampung itu sendiri, membuat balai raya, sekolah agama dan sebagainya. Adakah Kerajaan bercadang membuat perkara seperti ini.

Tuan Luhai Wan: Saya syorkan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Ahli Yang Berhormat itu balik ke kawasannya membuat sedemikian sebagaimana yang disyorkan olehnya itu. (*Ketawa*).

PESTABOLA MERDEKA

10. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengapakah

Pestabola Merdeka diadakan di masa lain dari bulan Ogos berlawanan dengan tujuan asal untuk memeriahkan perayaan hari kemerdekaan kita. Adakah Kementerian bercadang hendak menyusun semula Pestabola Merdeka bagi tahun-tahun yang akan datang supaya diadakan dan ditamatkan pada 31hb Ogos.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat awal Kerajaan supaya Pestabola Merdeka seboleh-bolehnya diadakan sempena dengan sambutan hari kemerdekaan negara. Walau bagaimanapun, sejak Pesta ini diadakan banyak perkembangan telah berlaku dan tempoh pertandingan tersebut selalunya diadakan pada pertengahan tahun walaupun tidak semestinya diadakan pada bulan Ogos. Penyesuaian ini perlu ditakukan dari masa ke semasa untuk menentukan supaya jadual-jadual pertandingan bolasepak tempatan tidak terjejas dan di samping itu juga untuk menentukan supaya pasukan-pasukan dari negara-negara lain dapat menyertai pesta yang agung ini.

Pada tahun ini Pestabola Merdeka akan diadakan bermula daripada 8hb hingga 19hb Disember yang akan datang ini. Ini bertaku kerana pasukan kebangsaan kita terlibat dengan persediaan ke Sukan SEA Ke-14 di Jakarta yang baru lalu serta pertandingan Piala Malaysia dan juga pertandingan Pra-Olimpik pada awal tahun ini. Kementerian dimaklumkan bahawa pihak Persatuan Bolasepak Malaysia akan cuba sedaya upaya untuk mengadakan pertandingan ini pada pertengahan tahun sesuai dengan fungsi Pestabola Merdeka sebagai salah satu acara sambutan kemerdekaan negara kita.

HASIL IKLAN RTM

H. Tuan Nurnikman bin Abdultah minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah jumlah hasil yang diperolehi dari iklan menerusi TV1 dan TV2 bagi tahun 1986 dan bagi tempoh 9 bulan pertama tahun ini. Adakah beliau sedar bahawa hasil dari iklan mungkin akan terjejas apabila semua rancangan TV1 diubahsuai dan menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya mulai tahun depan.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil yang diperolehi daripada iklan oleh RTM dalam tahun 1986 adalah \$66,437,850 iaitu \$40,885,847 melalui RTM1 dan \$25,552,003 melalui RTM2. Jumlah hasil bagi tempoh dari Januari hingga September tahun 1987 adalah sebanyak \$52,204,721 iaitu \$34,485,985 melalui RTM1 dan \$17,718,736 melalui RTM2.

Untuk makluman Yang Berhormat-, RTM sedang berusaha untuk menambah lagi hasil komersialnya dengan menyusun semula program siarannya supaya menjadi lebih menarik. Kerana RTM1 sedia menjad saluran yang lebih banyak mendapatkan hasil komersial, maka usaha memperbaiki lagi rancangan-rancangannya melalui saluran itu dijangka tidak akan menjejaskan hasilnya. Malah adalah dijangka bahawa hasil RTM1 akan bertambah pada masa-masa ke hadapan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang apakah garis panduan yang digunakan oleh Kementerian yang berkenaan untuk menentukan apa iklan yang ditayangkan supaya iklan-iklan yang mempunyai kesan-kesan yang negatif dan buruk atau yang membelakangkan kepentingan negara dan rakyat tidak dibenarkan.

Misalnya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa TV3 sedang menayangkan iklan minyak kacang soya sedangkan negara kita sedang mempergiatkan kempen untuk menentang ASA mengenai masalah kelapa sawit. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa iklan seperti ini mensia-siakan usaha negara kita dan adakah Yang Berhormat bercadang untuk menghentikan iklan minyak kacang soya di TV3.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, memang ada garis panduan yang telah dibuat oleh Kementerian mengenai semua iklan yang digunakan oleh Radio mahupun oleh TV. Garis-garis panduan itu dibuat sedemikian rupa supaya kepentingan negara dan kepentingan masyarakat sendiri dapat kita jaga dan kita pelihara, tetapi ini tidak bererti bahawa garis panduan itu akan menghalang daripada salah satu matlamat iklan itu sendiri iaitu untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan industri yang sihat di dalam negara kita.

Mengenai komersial kacang soya, arahan telah pun dibuat oleh Kementerian kepada TV3 untuk memberhentikan iklan itu. Arahan sudah diberi, saya akan tengokkan perkara ini supaya iklan itu diberhentikan. Dari RTM sendiri sudah diberhentikan, jadi kalau TV3 belum berhentikan, akan diambil tindakan supaya iklan tersebut diberhentikan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat yang pertama tadi menunjukkan bahawa Kementerian sedang berusaha untuk menyusun semula program supaya kita mendapatkan hasil yang lebih bagi TV1. Saya tak bersetuju dengan cara begini. Soalannya berbunyi, apakah Kementerian sanggup mengorbankan kepentingan-kepentingan lain dengan menyusun

semula supaya kita mendapatkan hasil yang lebih, sebab TV1 ini penting, ia merupakan saluran nasional dan adalah dicadangkan supaya saluran ini biar kita rugi sedikit, tetapi kita susun TV2 untuk mendapatkan hasil yang lebih, sebab Yang Berhormat sedia maklum TV1 ini penting kerana ini merupakan saluran Kerajaan untuk kepentingan negara. Soalan saya, apakah kita patut kurangkan iklan di TV1, kita lebihkan di TV2 ataupun yang lain-lain lagi,

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedua-dua saluran itu penting bagi Kerajaan. Kalau RTM1 memainkan peranan yang penting untuk mendidik dan memaklumkan orang ramai dari segi program-program yang mengandungi "public service", ianya akan terus memainkan peranannya bagi memberi penerangan dan pendidikan untuk kepentingan Kerajaan dan kepentingan negara. Akan tetapi, RTM sendiri telah pun diminta pada hari ini untuk meningkatkan hasil Kerajaan, Kalau dahulu tugas RTM ialah untuk memberi penerangan, mendidik dan menghibur orang ramai, sekarang ini RTM telah diminta untuk meningkatkan hasil Kerajaan. Maka untuk mencapai keempat-empat matlamat itu dan untuk menentukan bahawa peranan RTM dari segi pembangunan negara dan bangsa akan terus berkesan, maka penyusunan semula rancangan-rancangannya harus dibuat, ini tak dapat dielakkan. Tetapi dalam penyusunan semula itu tidak bererti bahawa RTM akan hanya menumpukan perhatiannya kepada masalah mencari wang sahaja atau mencari hasil seberapa banyak yang boleh.

Mengikut matlamat yang ada pada RTM, kita menjangka akan meningkatkan hasil baik melalui RTM1, RTM2 dan juga oleh Radio pada kira-kira \$100 juta pada tahun hadapan dan kita telah menentukan

bahawa kedua-dua rangkaian ini, RTM1 dan 2 dan juga Radio harus memainkan peranannya bagi mencapai matlamat hasil \$ 100 juta itu.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, RTM1 akan terus kita jadikan sebagai satu rangkaian yang meliputi seluruh rakyat di mana penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan akan memainkan peranan yang utama. RTM2 akan merupakan saluran yang akan ditumpukan kepada masyarakat di bandar-bandar dan penggunaan bahasa Inggeris di dalam RTM2 akan terus kita tingkatkan. Dan berdasarkan kepada tugas yang baru dari segi peranan RTM1 dan 2 mi, maka kita merasakan perlu bahawa susunan rancangannya hendaklah dikaji semula dan juga untuk mencapai matlamat hasil \$100 juta itu.

KEGELINCIRAN KERETAPI

12. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) tentang jumlah kegelinciran keretapi di seluruh negara pada tahun ini. Nyatakan sebab-sebab utama berlakunya kegelinciran tersebut dan apakah langkah serta tindakan Kementerian bagi mengatasinya;
- (ii) apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian bagi memperkemaskan lagi sistem penyelenggaraan dan pemeriksaan landasan keretapi sentiasa berkeadaan baik; dan
- (iii) apakah langkah dan tindakan Kementerian terhadap peristiwa kegelinciran keretapi "Ekspres Sinaran Petang" di Sengkang, Kulai, Johor pada 11hb Februari, 1987 yang meragut empat nyawa dan mencederakan 32 yang lain.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Datin Paduka Hajjah Zaleha binti
Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah kegelinciran keretapi di seluruh negara pada tahun ini adalah 48. Kegelinciran-kegelinciran ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (a) Kecacatan landasan akibat daripada keadaan yang hampir tamat usia di beberapa tempat dan belum diperbaharui.
- (b) Kecacatan stokereta (rolling stock) akibat daripada kebanyakan yang hampir tamat usia dan belum diganti. Namun demikian, langkah-langkah bagi jangka masa pendek yang dilaksanakan telah menunjukkan kemajuan yang diharapkan seperti terbukti daripada perangkaan kegelinciran yang berikut:

Tahun	Bilangan Kegelinciran
1981 ..	144
1982 ..	134
1983 ..	101
1984 ..	74
1985 ..	48
1986 ..	47
1987 ..	48

- (ii) Keselamatan landasan adalah dipastikan dengan sistem pemeriksaan yang dijalankan oleh beberapa peringkat kakitangan dan pegawai pada masa yang ditetapkan, iaitu;

- (1) mengawasi keadaan amnya;
- (2) pemeriksaan peralatan seperti kayu landasan, pengikat landasan dan rel; dan

- (3) mengawasi parameter landasan.

Bagi mengawasi keadaan am landasan, pemeriksaan dibuat:

- (1) pemeriksaan berjalan kaki oleh kakitangan keretapi;
- (2) pemeriksaan tiap-tiap minggu dengan menaiki troli oleh Merinyu Urusan Jalan; dan
- (3) pemeriksaan tiap-tiap kali dalam dua minggu dengan troli oleh Ketua Merinyu Urusan Jalan.

Pemeriksaan tersebut adalah yang minima. Di samping itu, Merinyu-merinyu Urusan Jalan adalah diarahkan memeriksa landasan dalam seluruh seksinya dengan berjalan kaki sekali sebulan, Mengikut keadaan cuaca, rondaan tambahan juga dijalankan untuk memastikan landasannya adalah selamat bagi perjalanan tren-tren.

Pemeriksaan berjadual peralatan landasan seperti kayu landasan, pengikat landasan dan rel akan dilaksanakan pada tiap-tiap tahun bagi menentukan peralatan landasan yang perlu diganti dibuat penggantian dengan serta-merta dan perancangan penggantian peralatan yang lain juga dibuat untuk menentukan seluruh landasan berada dalam keadaan yang sempurna.

Untuk mengawasi gemotri landasan, sebuah kereta khas iaitu jentera perekod landasan bagi merekodkan gemotri landasan dijadualkan dijalankan di keseluruhan rangkaian keretapi dalam tempoh satu kali tiap-tiap tiga

bulan. Kereta ini menggunakan sistem komputer untuk mengenalpastikan mana-mana tempat landasan yang kurang memuaskan yang perlu dibaiki sebelum keadaan landasannya merosot. Di samping itu, bacaan yang terdapat dari kereta ini akan digunakan untuk merancangkan kerja penyelenggaraan landasan pada tahun hadapan.

Dengan adanya Sistem Pemeriksaan dan Pengawasan yang dinyatakan tadi, maka pihak KTM boleh menentukan tren-tren akan dijalankan dengan selamat, selesa dan cepat.

- (iii) Kemalangan di Sengkang adalah disebabkan keretakan "thermit weld" di landasan yang tidak dapat dikenalpasti melalui pemeriksaan biasa. Kementerian Pengangkutan akan membeli sebuah "Ultrasonic Flaw Detector" bagi mengenalpasti keretakan "thermit weld" di sepanjang landasan. Di samping itu, Kementerian Pengangkutan juga bercadang membeli sebuah mesin "rail rectifier grinder" bagi penjajaran rel atau "rail alignment".

Tuan Abdul Rahraan bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kegelinciran ini juga disebabkan kekurangan pakar-pakar dan juga juruteknik. Sejauh manakah hal ini serius dan benar? Dan adakah benar bahawa kegelinciran itu disebabkan oleh landasan yang sudah lapuk?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, seperti dalam jawapan saya tadi bahawa landasan-landasan yang lapuk itu

memang ada dan sepanjang masa diawasi dan diperbaiki dan mengenai kemalangan di Sengkang ialah disebabkan thermit-weldnya itu iaitu sambungan antara hujung-hujung rel itu ianya apabila retak tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Oleh kerana itulah kita terpaksa membeli ultrasonic flaw detector untuk mengesan keretakan yang kecil dan haius yang tak nampak dengan mata kasar tadi supaya perkara seperti itu tidak berlaku lagi. Masalah ini bukan kerana kekurangan pakar, kerana pakar itu pun matanya tak cukup tajam seperti flaw detector itu.

Jadi, untuk mengatasinya, syukur alhamdulillah, pihak Kerajaan telah mengadakan peruntukan bagi mendapatkan alat itu dan rel-rel yang dikatakan buruk tadi sebenarnya kadang-kala disebabkan oleh keadaan cuaca, hujan panas dan sebagainya menyebabkan rel besi itu sudah tentulah ada yang sudah bergerigi. tidak licin lagi ataupun bengkok dan ianya akan menyebabkan kegelinciran keretapi. Oleh kerana itu juga pihak Kementerian akan mendapatkan rail rectifier grinder untuk membaiki keadaan rel-rel yang lama itu.

Dr Ting Chew Peh: Soalan tambahan. Memandangkan kemalangan keretapi berlaku dari semasa ke semasa dan melibatkan terkorbannya nyawa, saya ingin mengetahui sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan suatu bentuk insurans nyawa untuk melindungi para penumpang keretapi itu?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah saya jawab dalam sidang ini juga iaitu satu kajian dan perbincangan sedang diadakan dengan syarikat-syarikat insurans.

**KOMODITI UTAMA—
LANGKAH MENENTANG
KEMPEN**

13. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada terdapat kempen-kempen yang memburuk-buruk komoditi utama negara kita di luar negeri, jika ya, apakah pula kempen kita untuk menentang kempen-kempen ini supaya harga barangan komoditi kita tidak terjejas.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan mengenai minyak sawit pada 12hb Oktober, 1987 dan soalan mengenai komoditi kayu telah pun saya jawab pada 20hb Oktober, 1987 dan saya tidak ada apa-apa tambahan.

**PETRONAS GAJI
EKSEKUTIF**

14. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan gaji yang dibayar kepada Pengerusi, Presiden, Naib-naib Presiden PETRONAS dan sejauh mana PETRONAS hingga ke hari ini berjaya mengisi cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitab bin Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, dalam penetapan jumlah gaji bulanan bagi Pengerusi, Presiden dan Naib-naib Presiden PETRONAS telah membuat bandingan dengan gaji yang dibayar oleh syarikat-syarikat lain bagi jawatan yang setanding. Gaji bulanan bagi Pengerusi, Presiden dan Naib-naib Presiden adalah seperti berikut:

- (i) Pengerusi dibayar elaun sebanyak \$5,000 sebulan.
- (ii) Presiden dibayar sebanyak \$26,775 sebulan.

- (iii) Naib Presiden Kanan dibayar sebanyak \$19,425 hingga \$22,000 sebulan bergantung kepada tempoh perkhidmatannya.

- (iv) Naib Presiden dibayar \$13,000 hingga \$16,500 sebulan bergantung juga kepada tempoh perkhidmatannya.

PETRONAS sentiasa memainkan peranan untuk memenuhi cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Di antara sumbangan PETRONAS setakat ini ialah:

- (i) *Mewujudkan Peluang-peluang Pekerjaan dan Menyusun Dalam Gunatenaga di Syarikat-syarikat Minyak*

PETRONAS telah berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di Syarikat PETRONAS sendiri dan secara tidak langsung di syarikat-syarikat di dalam industri sokongan petroleum. Misalnya di akhir tahun 1986, sebanyak 14,638 peluang pekerjaan telah diwujudkan di dalam industri ini, 69% daripadanya dipegang oleh pekerja-pekerja bumiputera. Di samping itu PETRONAS juga terlibat dalam rancangan pewarganegaraan jawatan dalam bidang-bidang petroleum dengan mana Kontraktor Kontrak Pengeluaran dikehendaki mengurangkan secara berperingkat pengambilan pekerja asing. Jawatan eksekutif yang dipegang oleh rakyat Malaysia di Syarikat ESSO dan Shell dijangka akan meningkat masing-masing kepada 92% dan 93% menjelang tahun 1990 daripada 45% dan 46% sekarang ini. PETRONAS sekarang ini mempunyai 98% pekerja-pekerja terdiri daripada rakyat

Malaysia termasuk 89% bumiputera dan 2% sahaja pekerja-pekerja asing.

(ii) *Mewujudkan Peluang-peluang Perniagaan*

Melalui penglibatan PETRONAS dalam industri petroleum banyak peluang-peluang perniagaan telah terbuka kepada pengusaha-pengusaha bumiputera. Sehingga akhir bulan September, 1987 terdapat 193 buah stesen minyak PETRONAS, di mana 176 atau 91.1% daripadanya dikendalikan oleh pengusaha bumiputera dan bakinya 17 stesen atau 8.9% diusahakan oleh PETRONAS sendiri. Bagi pengedaran barang-barang petroleum yang lain pula seperti diesel, minyak bahan api dan kerosin, PETRONAS telah melantik seramai 375 pengedar dan dari jumlah ini 82% darinya adalah pengedar-pengedar bumiputera. Di dalam bidang kontrak kerja-kerja dan bekalan pula, sehingga September, 1987 dari sejumlah \$10,460 juta nilai kontrak yang telah ditawarkan di bawah sektor hulu dan hiliran sebanyak 46.4% telah ditawarkan kepada bumiputera.

(iii) *Menggalakkan Pembangunan di Kawasan Kurang Maju*

PETRONAS telah menempatkan beberapa projeknya di kawasan-kawasan kurang maju seperti gas asli cecair dan baja urea di Bintulu, Sarawak, kilang penapis minyak dan kilang memproses gas di Kerteh, Terengganu. PETRONAS juga bercadang mendirikan kilang penapis minyaknya yang kedua di Melaka. Usaha ini dapat

menolong membangunkan kawasan-kawasan tersebut di samping mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di kawasan-kawasan yang berkenaan.

(iv) *Membuat Sumbangan Kepada Pendapatan dan Pertukaran Asing.*

PETRONAS juga memberi sumbangan hasil kepada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk cukai pendapatan, dividen, duti eksport dan royalti dan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam bentuk royalti. Bagi tahun kewangan berakhir 31hb Mac 1986, PETRONAS telah menyumbangkan hasil kepada Kerajaan berjumlah \$7,080 juta yang terdiri daripada \$1,207 juta duti eksport, \$1,205 juta royalti, \$2,668 juta cukai pendapatan dan \$2,000 juta dividen. Pendapatan yang diperolehi dari hasil petroleum ini telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk tujuan pembangunan bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup rakyat. PETRONAS juga turut menyumbang kepada pendapatan pertukaran asing negara melalui eksport petroleum. Bagi tahun 1986 sejumlah \$7,300 juta telah dihasilkan melalui eksport petroleum.

(v) *Sumbangan Kepada Pemilikan Ekuiti*

PETRONAS mempunyai pegangan ekuiti sebanyak \$3,399 juta melalui anak-anak syarikatnya dan syarikat bersekutu dan ini telah menambahkan pemilikan ekuiti tempatan dalam sektor koporat. Di samping itu melalui perlesenan dan pengawasan di bawah Akta

Kemajuan Petroleum 1974, pegangan ekuiti bumiputera di dalam berbagai syarikat yang berkaitan dengan aktiviti petroleum telah meningkat kepada 76%.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalaupun elau Pengerusi ataupun Naib-naib Presiden PETRONAS ini setelah kita membuat kajian kepada syarikat-syarikat lain; tadi tidak disebutkan sama ada Naib-naib Presiden ini orang luar atau orang dalam negeri. Kalaupun dia itu orang luar negeri tetapi adakah jumlah yang sebegini besar \$26,775 ini sebulan satu jumlah yang kecil kepada PETRONAS dan tidakkah ini kalau dibandingkan dengan syarikat luar, cost of living ini lain. Tetapi rasa saya kalaupun hendak dibandingkan dengan syarikat luar, rasa saya negara kita ini, seorang Naib Presiden gaji begini punya banyak, besar daripada.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, apa soalnya?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, daripada elau ini sahaja \$26,775 sebulan itu tidakkah termasuk kemudahan-kemudahan lain seperti elau-elau tambahan ataupun perumahan ataupun keretanya. Kalau itu dijumlahkan semuanya berapa sebulan?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, \$26,775 sebulan itu adalah gaji. Saya ingat Ahli Yang Berhormat itu tersalah dengar bahawa Pengerusi itu hanya dibayar elau. Presiden dan Naib Presiden dan Naib Presiden Kanan adalah dibayar gaji bulanan. Hanya Pengerusi sahaja yang tidak dibayar gaji. Pengerusi hanya diberi elau sebanyak \$5,000.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu walaupun di bawah hasrat untuk memenuhi cita* cita Dasar Ekonomi Baru yang kita mengalu-alukan, saya dapat tahu sampai masa ini PETRONAS tidak beri apa-apa lesen kepada orang-orang lain selain daripada petak kaum bumiputera. Adakah ini benar dan jika benar, saya ingin mendapat tahu adakah tindakan akan diambil oleh pihak PETRONAS untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, itu benar. Tetapi kalau kita tinjau dalam industri petroleum ini, setakat ini di seluruh negara bumiputera hanya mempunyai 45.75% dalam industri stesen minyak ini. Sebanyak 54.25% adalah dikendalikan oleh bukan bumiputera. Walau bagaimanapun, PETRONAS akan memberi pertimbangan kepada pemberian lesen kepada bukan bumiputera bila masanya sampai.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, adakah PETRONAS bercadang untuk menambah Naib-naib Presiden lagi. (*Ketawa*)

Kedua, berapakah jumlah elau kepada Presiden, Naib Presiden Kanan? Naib Presiden sudah ada, tidak termasuk gaji yang telah dibuat setakat ini.

Ketiga, apakah perbezaan tinggi rendah dengan gaji Menteri yang bertanggungjawab mengenai dengan PETRONAS ini. (*Ketawa*)

Tuan Kasitah bin Gaddam: Saya ingat tidak ada kaitan langsung dengan soalan ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi cukuplah saya beri penerangan sedikit bahawa gaji yang diberikan kepada Presiden dan Naib Presiden PETRONAS ini adalah kurang daripada yang dibayar oleh syarikat-syarikat yang lain seperti Shell dan

Esso. Kalau dibandingkan dengan gaji dan elaun yang diterima oleh Presiden, Naib Presiden di syarikat-syarikat yang lain seperti Shell dan Esso maka gaji yang mereka terima ini adalah lebih rendah.

BUKU PANDUAN TELEFON BAHASA CINA

15. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa panduan telefon edisi Tionghua tidak dikeluarkan pada tahun 1986 dan pengeluaran panduan bagi tahun 1987 untuk edisi yang sama dilambat-lambatkan sehingga mendatangkan kesusahan kepada pelanggan-pelanggan telefon yang menggunakan panduan tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, percetakan buku panduan telefon adalah dibuat melalui perjanjian di antara pembekal dengan Jabatan Telekom Malaysia dahulunya dan Syarikat Telekom Malaysia pada hari ini.

Adalah dimaklumkan bahawa tidak ada perjanjian untuk mencetak buku panduan telefon dalam bahasa Cina untuk tahun 1986. Perjanjian mencetak buku panduan telefon berbahasa Cina untuk tahun 1987 sehingga 1991 telah dipersetujui antara pembekal dengan Jabatan Telekom Malaysia pada masa tersebut iaitu pada tarikh 24hb Jun, 1986. Perjanjian ini di antara lain mengenakan syarat supaya pembekal mengeluarkan buku-buku panduan pada 1hb April setiap tahun perjanjian.

Untuk tahun 1987 pembekal telah gagal mencetaknya mengikut jadual dan buku panduan telefon untuk Semenanjung Malaysia hanya dicetak dan diedarkan pada akhir bulan

Oktober 1987. Dan buku panduan telefon dalam bahasa Cina bagi Sabah dan Sarawak sedang dicetak dan dijangka siap pada akhir bulan November, 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 3 dan 16 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

KERETAPI KE PANTAI TIMUR

3. **Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan dua tiga tahun yang lampau, rancak perbincangan tentang akan diwujudkan landasan kereta ke Pantai Timur, sekarang ini tidak kedengaran lagi. Adakah rancangan projek tersebut masih dalam perhatian, dan bilakah akan dilaksanakan, atau projek tersebut akan dilenyapkan begitu sahaja.

Datn Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Memandangkan kepada kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara pada masa kini, projek pembinaan keretapi baru ke Pantai Timur adalah salah satu projek yang telah ditangguhkan pelaksanaannya. Kerajaan belum lagi membuat keputusan bita hendak melaksanakan projek ini.

BANK ISLAM—KEMAJUAN

16. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh Bank Islam Malaysia Berhad dalam usahanya membantu masyarakat umum mempertingkatkan ekonomi mereka dan apakah pihak bank telah dapat mencapai satu tahap prestasi yang membanggakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Pertanyaan Ahli Yang Berhormat pada asasnya, adalah sama dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tasek Gelugor pada 18-11-87. Oleh kerana saya telah menjawab pertanyaan tersebut, saya tidak bercadang untuk mengulangnya sekali lagi.

RUMAH MENYEMBELIH BABI

17. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Pertanian menyatakan kedudukan permohonan rakyat untuk membina sebuah rumah menyembelih babi di kawasan Kinta Selatan, Perak.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Kawasan Kinta Selatan adalah di dalam kawasan Kawalan Penyembelihan Babi Rumah Sembelih, Ipoh. Oleh yang demikian semua babi-babi dari kawasan Kinta Selatan hendaklah disembelih di Rumah Sembelih Ipoh.

Mengenai sebuah rumah sembelih babi swasta di Perak Selatan, satu Majlis Dialog telah diadakan dengan persatuan-persatuan penyembelihan babi dari Perak Selatan pada 28 Ogos, 1987 di Kampar untuk menentukan kawasan yang sesuai untuk mendirikan rumah sembelih babi swasta tersebut di Perak Selatan. Akan tetapi keputusan muktamad tidak dapat dibuat pada hari tersebut.

Sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Pengarah Perkhidmatan Haiwan Negeri Perak akan menentukan kawasan yang sesuai untuk mendirikan rumah sembelih babi swasta itu di Perak Selatan.

FELDA/FELCRA DI SARAWAK

18. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan

bilangan kawasan yang sesuai di Negeri Sarawak, yang telah diluluskan oleh FELDA dan FELCRA untuk dimajukan secara besar-besaran di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Seliausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan WUayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Luas kawasan yang sesuai di Negeri Sarawak yang telah diluluskan kepada FELDA adalah seluas 5,766 hektar di Sampadi manakala kepada FELCRA pula adalah seluas 1,600 hektar di mana seluas 800 hektar telah dibangunkan di Kampong Seberang dan Kampong Kabong.

GAS ASLI PENGELUARAN

19. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) berapakah peratusan gas asli yang dikeluarkan oleh negara kita di Terengganu dan Sarawak sedang digunakan oleh industri-industri tempatan, termasuklah untuk tujuan mengeluarkan letrik;
- (ii) apakah cadangan sedang dikaji oleh pihak Kerajaan supaya penggunaan dalam negeri gas asli dipertingkatkan dalam sektor awam dan sektor swasta supaya menjadikan gas asli sebagai sumber tenaga alternatif yang penting;
- (iii) adakah penawaran kontrak kepada UEM untuk membina kilang Pemerosesan Gas di Peninsular Gas Utilisation (PGU) Phase II Project dilakukan selepas pemanggilan tender terbuka; dan jika tidak kenapa tidak dan apakah sistem tender digunakan bagi projek ini.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (i) Daripada jumlah pengeluaran kasar gas asli bagi Negeri Terengganu bagi bulan Januari hingga Ogos 1987, kira-kira 29% pengeluaran itu digunakan untuk industri dengan peratusan yang terbesar sebanyak 17% digunakan untuk penjanaaan kuasa elektrik Lembaga Letrik Negara. Bagi Negeri Sarawak pula kira-kira 90% daripada gas asli yang dikeluarkan digunakan untuk industri termasuk penggunaan Malaysia LNG Sdn. Bhd. (84%) Asean Bintulu Fertilizer (4%) dan Sarawak Electricity Corporation (SESCO) sebanyak 0.2%. Baki daripada pengeluaran gas asli di kedua-dua negeri adalah digunakan untuk aktiviti carigali petroleum atau dibakar.
- (ii) Kerajaan sememangnya berusaha meningkatkan penggunaan gas asli sebagai sumber tenaga alternatif bersesuaian dengan dasar tenaga empat bahanapi (four fuel policy). Antara projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan pada masa ini ialah projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa II bagi menyalurkan gas asli dari pantai timur ke pantai barat Semenanjung untuk tujuan penjanaaan kuasa elektrik dan kegunaan lain-lain industri serta sistem retikulasi gas ke rumah-rumah yang menggunakan gas asli untuk keperluan rumah seperti memasak dan sebagainya. Selain daripada itu Kerajaan juga telah memperkenankan penggunaan gas asli yang dimampat (CNG) untuk kenderaan bermotor. Gas asli juga akan digunakan sebagai

bahan mentah kepada projek-projek petrokimia yang sedang di peringkat pelaksanaan.

- (iii) Penawaran kontrak kepada UEM untuk membina Loji Pemerosesan Gas bagi projek Gas Semenanjung Fasa II telah dibuat melalui tender terbuka.

SISWAZAH MENGGANGGUR

20. **Tuan Law Lai Heng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah program-program yang terdapat untuk membantu mengatasi masalah siswazah-siswazah yang menganggur;
- (b) sejauh manakah keberkesanan program-program tersebut dalam mengatasi masalah itu; dan
- (c) jumlah perbelanjaan yang Kerajaan gunakan untuk mengendalikan program-program tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):

- (a) Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Khas untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah siswazah menganggur. Jawatankuasa itu yang diberi nama Jawatankuasa Mengenai Program Peluang-peluang Pekerjaan untuk Siswazah adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Antara tugas utama Jawatankuasa ini ialah menyediakan cadangan-cadangan jangka panjang untuk mengatasi masalah tersebut.

Setakat ini beberapa program telah pun dikenalpasti dan dikaji kesesuaiannya untuk dilaksanakan, Program-program itu ialah:

(i) *Skim Latihan Khas*

Melalui Skim ini siswazah-siswazah yang terlibat akan diberi bimbingan dalam jurusan perniagaan supaya mereka boleh berdikari. Kumpulan pertama seramai 309 orang siswazah telah pun mengikuti latihan fasa 1 iaitu yang melibatkan kursus motivasi. Seterusnya melalui fasa 2 skim ini siswazah-siswazah yang terlibat akan diberi bimbingan dalam jurusan perniagaan bagi membolehkan mereka bergiat sebagai usahawan dan boleh berdikari.

(ii) *Skim Siswazah Tani*

Melalui Skim ini siswazah-siswazah akan diberi peluang menceburi bidang pertanian dengan harapan mereka akan dapat memodenkan sektor pertanian. Program ini adalah dikendalikan oleh Kementerian Pertanian dan di peringkat Ini Jawatankuasa Skim Siswazah Tani sedang mengenalpasti tempat dan jenis-jenis sektor pertanian yang boleh diusahakan oleh para siswazah secara komersial.

(iii) *Skim Latihan Kemahiran*

Melalui Skim ini siswazah akan dilatih

kemahiran tertentu supaya dalam jangka masa panjang membolehkan mereka mendapat pekerjaan di mana-mana agensi ataupun bekerja sendiri.

(iv) *Skim Penempatan di Sektor Swasta*

Melalui Skim ini siswazah-siswazah akan dihantar berlatih di sektor swasta dengan harapan mereka kemudiannya akan dilantik ke syarikat-syarikat di mana mereka berlatih jika didapati sesuai.

(v) *Skim Pekerjaan di Sektor Awam*

Melalui Skim ini usaha-usaha akan dibuat untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang sesuai di sektor awam bagi menampung siswazah-siswazah itu.

(vi) *Skim Melanjutkan Pelajaran*

Melalui Skim ini siswazah-siswazah yang mempunyai kelulusan yang cemerlang akan digalakkan melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat yang paling tinggi.

(vii) *Skim Khidmat Sokongan*

Melalui Skim ini satu sistem pengumpulan data-data mengenai pekerjaan, keperluan-keperluan mewujudkan pekerjaan dan keperluan kaunseling kepada siswazah akan diwujudkan. Pengwujudan sistem ini akan membantu siswazah mendapat maklumat-maklumat asas mengenai

peluang-peluang pekerjaan yang boleh mereka ceburi.

Selain daripada tujuan skim yang dinyatakan itu, sebagai langkah sementara untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah ini dalam jangka pendek, Kerajaan telah pun melancarkan Program Skim Khidmat Sambilan. Melalui skim ini seramai 4,000 orang siswazah telah ditempatkan di Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri di mana secara tidak langsung mereka diberi latihan sistem pentadbiran dan perkhidmatan awam negara ini. Dengan adanya pengalaman tersebut mereka merupakan calon-calon yang boleh dikira telah ada pengalaman apabila memohon pekerjaan tetap sama ada di sektor swasta atau awam. Skim ini telah dilancarkan mulai pada 1 Julai 1986 dan ianya masih lagi berjalan sehingga sekarang.

- (b) Sejauh mana keberkesanan program-program itu belumlah dapat ditentukan lagi oleh kerana ianya masih di peringkat awal pelaksanaan. Bagaimanapun bagi program Skim Khidmat Sambilan pada awalnya bilangan siswazah yang telah diambil berkhidmat ialah seramai 4,000 orang, tetapi pada masa ini bilangan yang tinggal ialah seramai 2,919 orang sahaja. Ini bermakna seramai 1,081 orang telah pun meninggalkan skim tersebut dan difahamkan mereka

berkenaan telah pun mendapat pekerjaan tetap sama ada di sektor swasta atau awam dan juga ada yang bekerja sendiri. Bagi siswazah-siswazah yang telah mengikuti Skim Latihan Khas pula seramai 39 orang telah pun diterima mengikuti latihan selanjutnya di sektor swasta dan seramai 64 orang lagi mengikuti latihan fasa 2 iaitu bidang perniagaan dan perusahaan di pusat-pusat latihan yang telah ditetapkan.

- (c) Sehingga 30-9-87 jumlah perbelanjaan yang telah digunakan oleh Kerajaan bagi membiayai program-program Skim Khidmat Sambilan dan Skim Latihan Khas sahaja ialah \$37,751,417.47. Perbelanjaan bagi lain-lain program yang dicadangkan belum lagi ditentukan oleh kerana belum dilaksanakan lagi.

PASUKAN PETUGAS VII DI SABAH

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak kemasukan Pasukan Petugas Ketujuh ke Sabah, apakah hasil yang dicapai dalam pengawalan ke atas pendatang-pendatang haram dan pelarian dan bagaimanakah Pasukan Petugas Ketujuh merancang mengendalikan mereka.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob); Pasukan Petugas VII belum lagi bertugas di Sabah walaupun ia dirancang untuk beroperasi di negeri itu pada 1-1-1987. Ini adalah kerana pihak Kerajaan Negeri bersanggupan untuk mengendalikan perkara-perkara berhubung dengan pelarian dan pendatang haram di Sabah buat sementara waktu sebelum ianya diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE EROPAH/RUSSIA

22. **Tuan Ghazali bin Ahmad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Perdana Menteri di Eropah dan Russia dari sudut ekonomi dan politik.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Jawapan kepada soalan ini telah pun diberi di Dewan Yang Mulia ini pada 12hb Oktober, 1987 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

TARIAN SINGA

23. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan mengapa tarian singa tidak diterima dalam perarakan Hari Kebangsaan Ulang Tahun Ke 30.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Hari Kebangsaan merupakan suatu hari sambutan mengenangi Kemerdekaan Negara dan tujuan mengembalikan ingatan rakyat dan kenangan kepada sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan. Sambutan itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan keinsafan kita sebagai rakyat Malaysia tentang kehendak-kehendak kepada perpaduan, meningkatkan cita-cita kebangsaan dan cita-cita mengisi kemerdekaan itu sendiri.

Sambutan Hari Kebangsaan tidak seharusnya dianggap sebagai suatu perayaan biasa tetapi satu perayaan kemegahan dengan disokong oleh perbarisan yang juga memperlihatkan ketahanan rakyat dan kekuatan nasional. Dengan kata lain perbarisan itu yang melibatkan seluruh peringkat dan lapisan masyarakat, Kementerian, Jabatan, Agensi awam dan swasta, meliputi peranan-peranan kita di

bidang politik, pentadbiran, kesejahteraan, sosial. belia, keselamatan dan sebagainya, adalah sebagai menyatakan cinta dan kasih sayang bangsa Malaysia kepada negaranya, kepada ketua negara dan pemimpin-pemimpin dan lebih-lebih lagi mengikat dan mengingatkan rakyat tentang cita-cita perpaduan kebangsaan. Oleh yang demikian, sambutan Hari Kebangsaan atau perbarisan yang dibuat tidaklah mempamerkan jenis kesenian yang bercorak seperti seni tari, kecuali dipersembahkan sebagai acara padang melalui gubahan-gubahan tertentu yang menimbulkan kebangsaan masyarakat tanpa mengira kaum dan keturunan.

KAD PENGENALAN GANTIAN

24. **Tuan Sanison Chin Chee Tsu** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan permohonan untuk menggantikan kad pengenalan oleh penuntut-penuntut dalam tempoh dari Oktober 1984 hingga Oktober 1987 dan bilangan Kad Pengenalan baru yang dikeluarkan; dan
- (b) langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki pentadbiran dan perkhidmatan Jabatan Pendaftaran di negeri kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Jabatan Pendaftaran Negara tidak menyimpan perangkaan khusus bagi penuntut-penuntut yang memohon kad pengenalan gantian atau keluaran baru (keluaran kali pertama) tetapi apa yang ada ialah perangkaan meliputi semua orang yang memohon.

- (b) Peraturan-peraturan dan sistem kerja di Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara yang sedia ada didapati baik. Setakat ini tidak perlu dibuat apa-apa ubah suai. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Yang Berhormat membuktikan kelemahan-kelemahan di Jabatan berkenaan, saya bersedia membuat kajian dan mengambil tindakan bersesuaian.

INDUSTRI KAMPUNG

25. **Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada rancangan membangunkan industri kampung tajaan Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn. Bhd. (SPPIK) hanya tertumpu kepada kampung-kampung tradisional;'
- (b) adakah Kerajaan berhajat memperluaskan skim tersebut ke kampung-kampung baru; dan
- (c) jika tidak apakah sebab-sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):

- (a) Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn. Bhd. (SPPIK) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Dengan itu ia mempunyai dasar dan polisi sebagaimana terdapat dalam "article and Memorandum of Association"-nya. Aktiviti utamanya adalah membangunkan industri kampung. Pembangunan industri ini ditekankan ke

kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung-kampung di mana terdapat sumber-sumber semulajadi atau sumber-sumber tempatan yang banyak. Asas utama bagi SPPIK apabila ingin membangunkan industri kampung ialah dayamajunya satu projek tersebut dengan kawasan terdapatnya sumber-sumber tempatan. Penempatan projek tersebut tidak semestinya tertumpu ke kampung-kampung tradisional semata-mata.

- (b) Sekiranya di kampung-kampung baru ada terdapat banyak sumber-sumber tempatan daripada buluh, rotan, kayu dan lain-lain dan ianya masih diisytiharkan sebagai kampung, maka SPPIK boleh menimbangkan untuk membangunkan industri di kawasan tersebut.
- (c) Soalan ini tidak berbangkit.

LAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KE JEPUN/CHINA

26. **Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Timbalan Perdana Menteri ke neger Jepun dan Republik Rakyat Chim dari segi kerjasama ekonomi dan politik dengan Malaysia.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan kepada sebahagian dari soalan ini, iaitu mengenai lawatai Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Republik Rakyat China, telah diberi semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dan Pasir Mas pada 14hb Oktober Manakala jawapan mengenai lawatan ke Jepun telah pun disampaikan semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai pada

2hb November. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan-jawapan yang telah diberikan itu.

FERI MALAYSIA

27. **Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Perdana Menteri menyatakan semenjak Cruise Muhibah dilancarkan di hari pelancarannya;

- (a) berapakah jumlah penumpang yang telah menggunakannya jumlah penumpang-penumpang dari Semenanjung, dari Sabah dan Sarawak;
- (b) berapakah jumlah "tonnage" kargo yang telah dibawanya; dan
- (c) berapakah jumlah pendapatan yang telah dikumpul dari penumpang-penumpang dan juga dari kargo yang dibawa itu.

Tuan Kasitah bin Gaddam:

- (a) Bagi tempoh September 1986 hingga September 1987, sejumlah 33,306 telah menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia. Dari jumlah ini, seramai 3,897 orang adalah rakyat asing dan 29,409 adalah rakyat Malaysia. Dari jumlah penumpang rakyat Malaysia ini, seramai 24,369 orang dari Semenanjung ke Sabah/Sarawak dan baki seramai 5,040 orang adalah mereka yang menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia dari Semenanjung/Sabah/Sarawak ke Singapura dan sebaliknya. Pecahan bilangan penumpang rakyat Malaysia yang menggunakan perkhidmatan Feri Malaysia di antara Semenanjung dengan Sabah/

Sarawak dan sebaliknya adalah seperti berikut:

	<i>KeSabah/ Sarawak</i>	<i>KeSeme- nanjung</i>
Rakyat Semenanjung	1(1.755	11.305
Rakyat Sabah	676	613
Rakyat Sarawak	692	328
Jumlah	<u>12.123</u>	<u>12.246</u>

- (b) Jumlah "tonnage" kargo yang telah diangkut oleh Feri Malaysia bagi tempoh September 1986 hingga September 1987 ialah sebanyak 31,793 cubic meter (cbm).
- (c) Jumlah pendapatan dari penumpang dan kargo bagi tempoh September 1986 hingga September 1987 adalah seperti berikut:

Penumpang ..	\$5.36juta;
Kargo dan "Hualage"	\$1.9juta.

KAD PENGENALAN BIRU

28. **Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) sama ada Kementerian beliau bercadang mengeluarkan Kad Pengenalan yang baru kepada seluruh rakyat berasal dari Negeri Sabah bagi membanteras masalah Kad Pengenalan biru yang haram di Negeri tertentu;
- (ii) sama ada Kementerian beliau bercadang mengistiharkan seluruh negara kawasan hitam bagi pelarian haram, ini memudahkan kerja-kerja pengurusan pelarian haram dari seluruh negara lebih berkesan, Apabila sesuatu kawasan telah bebas dari pendudukan pelarian haram, maka kawasan tersebut baru boleh diistiharkan semula kawasan putih.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tidak ada kad-kad pengenalan biru haram yang dikeluarkan di Sabah. Semua kad-kad pengenalan yang dikeluarkan adalah sah dan teratur mengikut peruntukan Akta Pendaftaran Negara, 1959 dan peraturan dibawahnya.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengistiharkan seluruh negara sebagai kawasan hitam bagi pendatang haram kerana Kerajaan berkemampuan untuk mengambil tindakan ke atas mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram.

BANJIR PERUNTUKAN DISEDIAKAN

29. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan bagi membiayai usaha-usaha mengatasi banjir di Wilayah Persekutuan disebabkan oleh perlimpahan keluar air sungai dari tebingnya dalam tahun-tahun 1986, 1987 dan 1988. Apakah perbelanjaan-perbeianjaan utama peruntukan ini. Sekiranya wang ini tidak mencukupi bagi tahun-tahun yang tertentu, adakah sumber-sumber wang yang lain disediakan khas bagi usaha-usaha ini. Jika ya, apakah jumlah serta dari manakah datangnya wang ini. Jika tidak ada, maka apakah alternatif yang wujud untuk membiayai perbelanjaan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Di Wilayah Persekutuan, peruntukan untuk kerja-kerja mengatasi banjir disediakan di bawah dua pecahan kepala iaitu Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dan Perparitan.

Dalam tahun 1986, sejumlah \$13.33 juta telah dibelanjakan untuk kerja-kerja mengatasi banjir di Wilayah

Persekutuan. Pada tahun 1987, sebanyak \$13.5 juta telah disediakan untuk kerja-kerja tebatan banjir dan pada tahun 1988 jumlah yang akan disediakan adalah \$5.77 juta.

Kerja-kerja utama yang telah dibiayai melalui peruntukan adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan Ampangan Kawalan Banjir di Sungai Batu.
- (ii) "Preliminary Canalisation" untuk Sungai Batu.
- (iii) Kerja "Canalisation" untuk Sungai Klang dari Jambatan Sulaiman ke Jambatan Lebu Raya Persekutuan.
- (iv) Kerja membaiki perparitan di Sungai Kerayong.
- (v) Kerja mencegah banjir di Taman Sri Segambut.

Peruntukan yang disediakan itu adalah mencukupi dan jikalau peruntukan tambahan diperlukan maka ianya boleh disediakan daripada sumber-sumber yang tertentu.

GURU-GURU YANG DIPINDAHKAN KE SEKOLAH KEBANGSAAN CINA

30. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah guru-guru yang dipindahkan ke Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebagai Timbalan Guru Besar, Penyelia petang atau Penolong tidak boleh bertutur, membaca dan menulis bahasa Cina mengikut pecahan negeri-negeri di Malaysia; dan
- (b) bilakah guru-guru tersebut akan dipindahkan keluar dan digantikan oleh mereka yang boleh membaca, menulis dan bertutur dalam Bahasa Cina seperti yang dijanjikan oleh Yang Berhormat sendiri.

Dr Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya terdapat 10 orang guru di Pulau Pinang dan 2 di Melaka yang tidak fasih dalam Bahasa Mandarin yang telah ditempatkan di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina bagi mengisi jawatan-jawatan Penolong Kanan Kedua dan Penolong Kanan Ko-Kurikulum.
- (b) Kementerian Pendidikan telah seberapa boleh mengambil langkah-langkah untuk membuat penyesuaian sepertimana yang telah dijelaskan dalam ucapan saya dalam Dewan yang mulia ini pada 10-11-1987.

**KURIKULUM BERSEPADU
SEKOLAH MENENGAH—
PELAKSANAAN**

31. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah KBSM akan dilaksanakan dan apakah modifikasi-modifikasi yang telah dibuat kepada ibu bapa kita bahawa KBSM tidak akan menghalang kemajuan murid-murid yang cerdik seperti pernah berlaku dalam kes KBSM yang telah juga mewujudkan masalah-masalah tambahan kepada guru-guru sekolah.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai pada tahun 1988 dengan empat mata pelajaran bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di Tingkatan Satu dan Kelas Peralihan. Mata-mata pelajaran lain akan dilaksanakan mulai tahun 1989.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) tidak akan

menghalang kemajuan murid-murid yang cerdik kerana perkara-perkara berikut telah pun diambilkira:

- (i) Di dalam KBSM berbagai jenis aktiviti dan latihan disediakan untuk murid-murid yang terdiri dari berbagai peringkat kebolehan. Contohnya dalam mata pelajaran Matematik diadakan latihan-latihan berperingkat dan latihan tambahan yang mengambilkira semua jenis murid termasuk murid-murid yang cerdas.
- (ii) KBSM dan KBSR menekankan penggunaan bahan-bahan/ sumber pembelajaran yang berbagai corak. Misalnya dalam mata pelajaran bahasa, penggunaan buku-buku bacaan tambahan dalam menjalankan aktiviti dalam bilik darjah digalakkan.

Dengan adanya usaha-usaha ini murid-murid cerdas boleh terus maju mengikut keupayaan dan kebolehan mereka. Guru-guru tidak akan menghadapi masalah apabila mengajar murid-murid yang berbagai jenis ini kerana langkah-langkah yang diambil ini adalah ke arah membantu guru dalam pengajaran.

INDUSTRI OTOMOBIL

32. **Tuan Lau Dak Kee** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah untuk memulihkan Perindustrian Otomobil yang menghadapi kemerosotan teruk sehingga 3 bengkel pemasangan kereta ditutup dan lebih 4,000 pekerja dihilang kerjanya; dan adakah Kerajaan bercadang untuk menurunkan cukai-cukai yang dikenakan bagi kereta yang berkuasa injin kurang daripada 1,600 c.c. dan menghalang mengimport kereta dagangan terpakai.

Tuan M. G. Pandithan: Kerajaan mengambil langkah memulihkan

industri Otomobil melalui Pasukan Petugas Industri Pengangkutan Jalan yang telah ditubuhkan untuk melaksanakan perakuan-perakuan bagi memajukan industri ini seperti yang dinyatakan dalam Pelan Induk Perindustrian. Pada masa ini Pasukan Petugas sedang mengkaji cadangan menyusun semula struktur cukai terhadap kenderaan-kenderaan bermotor dan langkah-langkah bagi memperkemaskan kawalan import kenderaan CBU (Completely Built-Up) dengan tujuan untuk meningkatkan permmtaan kereta tempatan.

Di samping langkah-langkah tersebut, Kerajaan juga telah mengumumkan penubuhan "Tabung Penyusunan Semula", dengan peruntukan permulaan sebanyak \$500 juta, untuk menawarkan pinjaman kepada industri-industri yang diberi keutamaan supaya menyusun semula operasi mereka. Industri Otomobil adalah salah satu dahpada industri-industh yang telah dikenalpasti untuk menikmati kemudahan ini. Sehubungan ini Kerajaan telah pun menggesa syarikat-syarikat Otomobil yang terjejas supaya mengalihkan aktiviti-aktiviti ke bidang pengeluaran lain seperti pembuatan kenderaan dan sebagainya untuk pasaran tempatan dan eksport dengan menawarkan galakan-galakan yang sesuai. Saya sukacita mendapati beberapa syarikat telah pun mengambil langkah sedemikian.

PELABURAN BRITISH

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada lawatan-lawatan rasmi ke Britain telah menyebabkan kebangkitan semula pelaburan British di negara kita. Jika ada, nyatakan ditahap mana.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan kepada soalan ini telah pun diberi di Dewan yang mulia

ini pada 12hb Oktober, 1987 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Kesebelas*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 34 (Jadual)—

Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya benarkan untuk beberapa waktu bagi Timbalan Menteri Kesihatan menjawab.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, maaf saya tidak dapat menyelesaikan jawapan kepada soalan-soalan semalam seperti yang dijadualkan.

Semasa saya menjawab semalam saya telah menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Krai atau Marang mengenai keadaan beberapa buah negeri di mana tanda-tanda kesihatan atau, dengan izin, indeks kesihatan tidak begitu memuaskan. Hujah itu memang dapat diterima.

Tetapi kita harus juga mengingatkan bahawa tanda-tanda kesihatan di negeri-negeri itu pun telah dapat dimajukan secara dramatic. Dan usaha kita bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang adalah untuk cuba menurunkan kadar-kadar kematian dan juga kadar-kadar rakyat kita mengidapi beberapa penyakit untuk membolehkan mereka menikmati kehidupan yang lebih selesa, dengan lebih berminat dan memuaskan dan, tambahan lagi dari segi keperluan negara, satu kehidupan yang lebih produktif. Sudah tentu matlamat seperti itu memerlukan usaha yang lebih kuat dan giat untuk kita cuba mencegah dan membaiki keadaan penyakit di negeri-negeri yang masih mundur sedikit dari segi semua aspek.

Kementerian memang akan menumpukan masa dan peruntukan serta tenaga untuk menentukan bahawa kadar kematian bayi, ibu-ibu, toddler dan sebagainya dan juga kekerapan berlakunya penyakit-penyakit merebak dapat dicegah. Dalam pandangan Kementerian, jika infant mortality rate atau kadar kematian bayi-bayi itu yang pada masa ini dianggap sebagai sedikit lebih daripada 15 dalam setiap 1,000 kelahiran hidup hendak diturunkan kepada lebihkurang 11 dalam tiga atau empat tahun yang akan datang, ini memerlukan kekurangan dalam kadar kematian di negeri-negeri seperti Kelantan, Kedah, Terengganu dan sebagainya secara dramatic lagi. Ini sahaja yang akan membolehkan kita mencapai purata nisbah 15 atau 11 dalam seribu kelahiran.

Seperti saya sebutkan semalam, usaha itu bukan sahaja memerlukan klinik-klinik, jururawat dan doktor, tetapi memerlukan keadaan infrastruktur, bekalan air dan kesedaran serta sikap dan tabiat personal hygiene, dengan izin, yang lebih memuaskan. Dan kita akan cuba menggunakan media massa dan bekerjasama dengan sektor-sektor sampingan kepada sektor kesihatan untuk dapat mengatasi masalah di kawasan-kawasan seperti itu.

Kita masih lagi selepas itu terpaksa menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran baru dalam bidang kesihatan, iaitu cabaran-cabaran yang muncul daripada kehidupan yang lebih mewah dan cara-cara dan tabiat hidup yang berlainan daripada masa dahulu yang membawa penyakit-penyakit seperti sakit jantung, penyakit-penyakit juga yang melibatkan kidney, kemalangan jalan raya yang membawa maut dan beberapa kecederaan yang parah dan beberapa penyakit lain yang timbul daripada tabiat atau cara hidup yang baru, yang lebih mewah daripada dahulu. Jadi, banyak juga perkara yang kita perlu memerangi dalam bidang kesihatan. Kementehaan Kesihatan akan cuba sebolehnya untuk mengaturkan strategi dan mengusahakan aktiviti-aktiviti yang dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Mengenai masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bakri mengenai Hospital Daerah Muar, memang dirancang beberapa kemudahan untuk asrama doktor, blok perkhidmatan pusat dan juga satu blok untuk pembedahan dan sebagainya, tetapi setakat ini kita baru dapat menyiapkan satu blok empat tingkat di Hospital Daerah Muar. Pada masa ini kita tidak mampu dari segi budget kita untuk meneruskan dengan rancangan-rancangan yang disebutkan itu. Kita akan berusaha untuk mewujudkan

rancangan itu. Dari pandangan saya, dalam Rancangan Malaysia Kelima, tidak ada kemudahan untuk kita meneruskan projek-projek itu. Kita akan berusaha dan jika keadaan kewangan mengizinkan, kita akan menjalankannya dalam RML.

Mengenai Ahli Yang Berhormat dari Maran yang membangkitkan perkara Hospital Daerah Jengka, memang perkara ini dirancang untuk dijalankan pada tahun 1988. Rancangan awal kita dan perbincangan kita, cadangan kita kepada agensi-agensi pusat dalam menyediakan peruntukan bagi tahun hadapan, memang telah mempunyai tempat untuk membina sebuah Hospital Daerah baru di Jengka. Tetapi malangnya peruntukan ini tidak dapat diperolehi pada saat-saat yang akhir. Kementahan masih lagi memberi keutamaan kepada projek Hospital Daerah Jengka dan akan berusaha seboleh-bolehnya untuk mencari peruntukan untuk memulakan projek ini pada akhir tahun 1988. Kalau tidak, jika peruntukan diperolehi, kita akan dapat memulakan projek itu dalam tahun 1999.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran juga mengenai perlunya kita mengadakan satu pusat untuk merawat penyakit Leukemia, memang Kementerian telah mengkaji perkara ini. Pada masa ini kita telah memutuskan bahawa kemudahan untuk merawat Leukemia melalui ubat-ubat dan juga secara bone marrow transplant yang telah pun diwujudkan di Hospital Universiti di Universiti Malaya harus diberi sokongan penuh tanpa kita cuba duplicatekan, dengan izin, kemudahan itu juga di Hospital Besar Kuala Lumpur. Proses ini adalah satu yang mahal dan pemntukan untuknya bukan senang kita mencari. Jadi, sokongan daripada orang ramai dan

sokongan daripada sumber kewangan public dan Kerajaan, kita rasa adalah lebih baik kita menumpukan kepada kemudahan yang terdapat di Hospital Universiti. Dan kita di segi Kementerian Kesihatan akan memberi semua kerjasama untuk menjayakan kemudahan di Hospital Universiti.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, saya memang setuju bahawa harus ada nisbah untuk kita merancang kemudahan-kemudahan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan memang kita mengamalkan nisbah-nisbah yang lebihkurang seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Pada masa ini, kita memang merancang pusat kesihatan yang boleh dikatakan pusat kesihatan besar untuk kawasan yang mempunyai penduduk lebihkurang 10,000 hingga 15,000 tertakluk kepada keadaan geography tempat itu. kemudahan pengangkutan, perhubungan dan sebagainya. Dan untuk setiap kawasan dengan ramainya penduduk seribu hingga dua ribu, kita merancang sebuah klinik desa dan sebagainya. Nisbah perancangan ini telah diamalkan oleh Kementerian sejak beberapa tahun dan kita sedang berusaha untuk menghasilkan kemudahan-kemudahan ikut nisbah itu tertakluk kepada sedikit flexibility yang berkaitan dengan keadaan kawasan dan sebagainya. Jadi, perkara itu akan kita usahakan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan juga oleh beliau, iaitu cadangan untuk mewujudkan sebuah National Health Service dengan sumbangan insurans, memang perkara ini dalam kajian Kerajaan pada masa ini. Kajian ini akan memakan masa yang sedikit panjang kerana perkara ini adalah kompleks dan bukan senang untuk kita memulakan tanpa kajian yang sccukup-cukupnya dan

pertimbangan Kerajaan dari beberapa aspek. Satu pasukan consultant telah pun dilantik untuk menjalankan kajian ini dan mereka pada masa ini juga sedang membincangkan perkara ini dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuk satu survey questionnaire yang dihantar kepada Hospital-hospital, doktor-doktor dan orang-orang lain yang berkaitan dengan bidang kesihatan untuk mendapat tahu pengalaman mereka, pendapat-pendapat mereka dan sebagainya, sebelum kita dapat mengumpulkan cadangan-cadangan dalam perkara ini. Perkara ini akan memakan masa yang sedikit panjang sebelum kita dapat menjalankannya.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kerai iaitu beliau tidak nampak peruntukan dalam Belanjawan ini untuk membaiki lagi keadaan kesesakan di Kuala Kerai, sukalah saya memberitahu beliau bahawa peruntukan bagi membaiki keadaan di Kuala Kerai terdapat dalam Pecahan-kepala 00300 di mana kita mencadangkan pada tahun 1988 untuk membina sebuah blok 4 tingkat dan sebuah tangki air dan sebagainya untuk membaiki keadaan di situ dan juga meinbaiki keadaan dobi dan kemudahan-kemudahan basic seperti dapur dan sebagainya dalam tahun 1989. Segala ini akan dapat dijalankan termasuk juga, jika boleh, sebuah asrama jururawat, quarters kakitangan dan sebagainya. Jadi keadaan Hospittal Daerah Kuala Krai adalah dalam perhatian Kementerian dan peruntukan untuk memulakan kerja-kerja membaiki keadaan di situ dengan pembinaan wad-wad tambahan dan sebagainya adalah dalam Belanjawan 1988.

Beliau juga menimbulkan perkara tidak terdapatnya kepakaran perubatan di hospital-hospital seperti di Kuala Krai. Hospital Daerah Kuala

Krai bukanlah sebuah hospital yang dianggap sebagai specialist hospital dan kita masih lagi terpaksa bergantung kepada lawatan dari semasa ke semasa oleh pakar-pakar daripada Hospital Besar di Kota Bharu dan keadaan ini akan berterusan sehingga kita dapat pakar-pakar dengan jumlah yang cukup.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai juga telah membangkitkan perkara keadaan Pembantu-pembantu Perubatan (Medical Assistants) yang beliau menyatakan telah tidak dibenarkan memberi ubat kepada pesakit. Saya sukalah memberitahu di sini bahawa hujah itu tidak benar. Di Kementerian kita telah mengadakan satu senarai formulary Kementerian dengan jadual sebanyak 760 formulation dan ini dibahagikan kepada tiga golongan Kategori "A" ubat-ubat yang hanya boleh dipreskripsikan dan diberi oleh pakar-pakar perubatan; kategori "B" yang hanya dipreskripsikan oleh doktor-doktor biasa dan kategori "C" yang boleh dipreskripsikan oleh Pembantu-pembantu (Medical Assistants).

Sukalah saya mengatakan bahawa dalam kategori "C" ini kita mempunyai lebih daripada 80% Formulation yang dibekalkan oleh Kementerian. Jadi apabila wakil daripada Pembantu-pembantu Perubatan mengatakan bahawa mereka hanya dapat membekalkan "Panadol" dan sebagainya, saya rasa memang mereka tidak mengatakan apa yang benar dan mereka telah mengelirukan orang ramai dengan perkataan-perkataan seperti itu. Mereka memang diberi tempat yang istimewa dalam hierarchy rawatan yang disediakan oleh Kementerian dan mereka pada masa ini pun, seperti pada masa-masa yang lampau dibenarkan dan diberi kemudahan untuk memperbekalkan ubat-ubat yang 80% atau lebih daripada apa yang dibekalkan oleh Kementerian.

Jika pesakit-pesakit yang datang ke Pusat-pusat Kesihatan di mana tidak terdapat seorang doktor hadir pada hari itu, memang pegawai-pegawai berkenaan Pembantu Perubatan ataupun jururawat boleh merujuk pesakit-pesakit itu secara langsung kepada pihak doktor ataupun dapat nasihat melalui telefon dan sebagainya tentang rawatan kepada pesakit itu, dan jika pihak doktor dapat mengarahkan ubat-ubat yang tertentu dalam keadaan itu, mereka masih lagi boleh membekalkan ubat-ubat itu tetapi dalam keadaan pengawalan yang ketat dan supervision yang cukup kerana Pembantu-pembantu Perubatan bukanlah doktor. Doktor memerlukan lalihan 6 tahun diikuti dengan setahun Housemanship dan sebagainya. Pembantu-pembantu Perubatan walaupun diberi latihan "clinical" dan sebagainya sepanjang 3 tahun di Pusat Latihan di Seremban, memang tidak boleh dikatakan cukup pengalaman, pengetahuan ataupun boleh diberi keyakinan untuk merawat semua penyakit dan diberi kebebasan (freedom) untuk mempreskripsikan semua ubat-ubat, termasuk yang mempunyai akibat sampingan yang kuat, toxic dan sebagainya. Jadi Kementerian meletakkan tanggungjawab atau kuasa untuk preskripsi dalam tiga golongan mengikut penyakit dan mengikut juga toxicity ubat-ubat yang berkenaan dan ubat-ubat itu haruslah dikendalikan oleh golongan-golongan yang ditentukan. Saya dapat mengatakan bahawa dalam keadaan yang kita mempunyai sekarang, tidak ada apa jua yang harus dibimbangkan oleh rakyat kita kerana Kementerian telah menjadualkan ubat dalam tiga kategori dan mengkhaskan golongan-golongan pegawai yang dapat mengendalikan ubat-ubat mengikut kategori tersebut.

Kenyataan (statement) yang dikeluarkan oleh Persatuan Pembantu-pembantu Perubatan atau

pegawai-pegawainya adalah satu usaha yang saya sendiri tidak dapat faham dan saya terpaksa memikirkan bahawa mereka hanya suka mengelirukan keadaan kerana satu-satu sebab yang kita belum dapat meneliti sekarang. Walau bagaimanapun, kita akan membincangkan perkara ini dengan pihak Persatuan dan kita harap kita akan dapat melihat satu tindakan dan sikap yang lebih bertanggungjawab daripada pihak Persatuan dalam perkara ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut mengenai rawatan bagi pesakit-pesakit buah pinggang (kidney) melalui haemo-dialysis dan sebagainya, saya dukacitalah kenyataan yang diberi oleh beliau tidaklah begitu lengkap dan saya rasa telah mengelirukan kita sedikit kerana kita memang sudah pun wujudkan satu sistem pengendalian kes-kes penyakit buah pinggang dan sistem itu pada masa ini boleh dikatakan luas. Kita mempunyai satu pusat haemo-dialysis di Hospitai Besar Kuala Lumpur dengan 36 buah mesin haemo-dialysis, satu bilangan mesin haemo-dialysis yang besar dan Hospital Besar Kuala Lumpur harus dianggap sebagai, dengan izin, "one of the biggest haemo-dialysis centres in the world" dengan 36 buah mesin yang digunakan dalam dua shift pada masa ini.

Selain daripada Hospital Besar Kuala Lumpur, kita mempunyai 23 lagi mesin haemo-dialysis; 4 daripadanya diletakkan di Hospital Besar Pulau Pinang, 3 di hospital Besar Alor Setar, 4 di Hospital Besar Johor Bahru dan 7 di Hospital Besar Ipoh, 2 di Hospital Sibuan dan 3 di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu. Jadi 59 bilangan mesin untuk rawatan haemo-dialysis yang terdapat di sistem Kementerian Kesihatan sahaja, tidak termasuk di Hospital Universiti, hospital swasta dan sebagainya.

Rawatan haemo-dialysis adalah satu yang mahal seperti disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan satu yang harus dikawal sebaik-baiknya untuk menentukan bahawa rawatan ini dapat dibekalkan kepada mereka yang memerlukannya. Jadi kita menyediakan satu sistem kriteria dan priority, keutamaan untuk mengendalikan rawatan haemo-dialysis ini. Tetapi malangnya kes-kes yang memerlukan rawatan belum lagi dapat dikendalikan secara penuhnya oleh Kementerian Kesihatan dan kita masih lagi harap bahawa syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan sukarela, hospital-hospital swasta dan sebagainya akan juga menambah kepada kemudahan rawatan haemo dialysis kepada rakyat Malaysia. Saya sendiri harap bahawa kita akan dapat mewujudkan satu tabung charitable, dengan izin, yang dapat membiayai kos rawatan untuk pesakit-pesakit buah pinggang ini untuk mereka mendapat haemo-dialysis kerana haemo-dialysis ini adalah satu rawatan sepanjang umur, bukan satu rawatan yang had dalam tempoh masanya, satu rawatan sepanjang umur dan setiap minggu berkehendakkan perbelanjaan lebih kurang \$500 hingga \$600 yang harus dikendalikan oleh budget Kementerian juga, jika kita meluaskan lagi rawatan yang kita menyediakan.

Jadi, saya harap kerjasama daripada orang ramai, daripada pertubuhan-pertubuhan sukarela, syarikat-syarikat dan sebagainya untuk menambahkan lagi kemudahan haemo-dialysis ini dengan menyediakan pesakit-pesakit dengan kemudahan "haemo-dialysis", mesin-mesin ini dapat juga dipasang di rumah-rumah dan pesakit-pesakit dapat dinasihatkan dan dilatihkan dalam rawatan diri dengan dirujukkan dari masa ke semasa kepada pihak pakar dan sebagainya.

Jadi, apa yang menghadkan kita meluaskan lagi kemudahan haemo-dialysis ini pada masa ini, bukannya

tidak terdapat pakar-pakar dalam bidang ini. tetapi peruntukan yang begitu banyak untuk kita mengendalikan kes yang lebih daripada apa yang kita mengendalikan pada masa ini. Kita harus mencari jatan keluar dalam perkara ini dengan lebih berkesan dari apa yang kita lakukan pada masa ini. Jadi, tidaklah benar bahawa Hospital Besar Ipoh tidak ada kemudahan Haemo-dialysis. Ada 7 buah mesin di Ipoh yang mengendalikan pesakit-pesakit di kawasan negeri Perak.

Yang Berhormat dari Simunjan telah membangkitkan perkara kemudahan untuk teman-teman atau saudara-mara kepada pesakit-pesakit dari Sarawak dan sebagainya yang terpaksa mengiringi pesakit yang dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur, yang pada masa ini tidak mempunyai tempat untuk menginap dan mereka terpaksa pergi ke sana sini, jadi dalam keadaan yang tidak memuaskan. Saya memang setuju dengan apa yang dikatakan oleh beliau dan di Kementerian kita sedialah meng"explore"kan cadangan-cadangan untuk mengatasi keadaan ini. Kita harap kita dapatlah kerjasama juga dari negeri-negeri Sarawak dan Sabah dalam perkara ini untuk kita dapat mengendalikan saudara-mara yang terpaksa mengiringi pesakit-pesakit yang dirujuk untuk rawatan-rawatan yang tidak terdapat di Sarawak sendiri seperti rawatan haemo-dialysis atau rawatan untuk leukaemia atau rawatan untuk cancer dan sebagainya. Sementara kita mewujudkan kepakaran dan kemudahan dalam perkara-perkara ini, kita harus mencari jalan untuk mengendalikan pengiring-pengiring, saudara-mara kepada pesakit-pesakit yang juga ikut pesakit-pesakit itu.

Tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat juga mengenai budi-bahasa kakitangan dan sebagainya, saya memang setuju bahawa

kakitangan yang terlibat dalam mengendalikan pesakit khususnya, haruslah berbudi-bahasa, bersopan-santun dan cuba untuk meringankan sakitnya dalam keadaan kekeliruan keluarga dan sebagainya. Kita di Kementerian memang berusaha seboleh-bolehnya dalam perkara ini. Kita telah memasukkan "module public relations" dan sebagainya dalam kurikulum latihan bagi semua peringkat kakitangan dan kita memang harap bahawa mereka akan mempunyai sikap yang lebih baik.

Kita di Kementerian mempunyai lebih dari 80,000 kakitangan, termasuk 25,000 jururawat dan kita mengendalikan beribu-ribu atau berjuta-juta pesakit di dalam kemudahan-kemudahan kita dan mungkin terdapat di sana sini kesilapan yang berlaku. Saya harap dalam perkara ini kita dapat menerima komplek yang lebih spesifik untuk kita dapat meninjau dan mengambil tindakan yang perlu, kerana saya sendiri tidak suka mencemarkan imej dan nama baik perkhidmatan Jururawat dan sebagainya dengan "allegation" atau hujjah-hujjah yang general. Kita harus menerima komplek yang spesifik untuk kita dapat menyasat dan mengambil tindakan yang perlu.

Saya haraplah dan saya serulah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, baik juga kepada orang ramai, jika hendak komplek tentang kelakuan atau sikap kakitangan di Kementerian, mereka semua menggunakan name tag, dan jika dapat komplek mengenai nama pegawai, hari terjadinya, apa yang dikomplenkan, kita akan mengambil berat tentang komplek-komplek seperti itu. Tetapi saya tidak sedia untuk menjawab pada umumnya mengenai keadaan seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Simunjan akan dapat memberi maklumat yang lebih tepat dalam perkara ini. Pusat Kesihatan Simunjan itu, memang tidak ada peruntukan dalam tahun 1988. Kita telah mencadangkan seperti juga dalam kemudahan yang lain untuk memulakan pembinaan Pusat Kesihatan Daerah di Simunjan pada tahun 1988 dan perancangan awal kita memang mempunyai projek ini, tetapi malangnya tidak dapat peruntukan pada akhirnya dan pembinaan ini harus terpaksa ditangguhkan kepada tahun 1989 dan kita harap bahawa kita akan dapat menghasilkan projek ini dalam tahun 1989.

Sementara itu pada masa ini terdapat 2 buah Pusat Kesihatan Daerah yang mula dibina pada tahun ini. Satu di Bau dan satu lagi di Betong dan ini saya rasa akan dapat menambah lagi kemudahan yang terdapat di kawasan itu.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serernban, mengenai masalah virus Hepatitis B, memang saya setuju bahawa masalah Hepatitis B nampaknya adalah satu masalah yang besar di masyarakat kita. Anggaran kita sendiri adalah lebihkurang 4% daripada masyarakat Malaysia menghidapi virus Hepatitis B. Ini satu tahap infection yang merunsingkan. Kita pada masa ini di Kementerian sedang merancang cara-cara untuk kita mengatasi masalah ini selain daripada nasihat, galakan dan pemeriksaan yang dibuat pada masa ini, ada juga cadangan-cadangan di Kementerian untuk mewujudkan satu rancangan pelalian "mass-immunisation" dengan tumpuan khas kepada golongan-golongan yang berisiko tinggi, khususnya seperti bayi-bayi yang dilahirkan daripada ibu-ibu yang menjadi "carrier" atau pembawa kuman Hepatitis B.

Pada masa ini, golongan pekerja-pekerja di wad pembedahan atau operation theater, di laboratories dan sebagainya dan beberapa golongan risiko tinggi yang lain sedang dikesan dan Kementerian sedang merancang untuk mewujudkan satu rancangan pelalian bagi golongan ini. Kita harap dan kita juga sedang membuat satu anggaran yang lebih tepat tentang kosnya mengadakan "screening" itu dan kosnya mewujudkan rancangan pelalian "mass-immunisation" yang kita sebut itu. Kita harap dapat memutuskan perkara ini tidak berapa lama lagi dan menjalankan satu rancangan yang dapat mencegah merebaknya penyakit yang tidak mempunyai rawatan seperti virus Hepatitis B ini. Sementara waktu itu haruslah saya nasihat kepada rakyat untuk berjaga-jaga.

Dr Chen Man Hin: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. . .

Dato' K. Pathmanaban: Can I ttnish it? Haruslah saya memberi nasihat kepada rakyat untuk berjaga-jaga dalam perkara Hepatitis B ini dan mengelak daripada kegiatan-kegiatan yang akan dapat menjangkitkan penyakit ini kepada orang lain, khasnya mereka yang menghidapi penyakit ini atau menjadikan pembawa (carrier) kuman Hepatitis B, harus elak daripada melakukan hubungan-hubungan rapat yang dapat menjangkiti penyakit ini khasnya melalui pemindahan darah atau melalui kegiatan seks dan sebagainya yang membawa risiko tinggi. Dalam perkara ini mereka harus jika disyaki memeriksa diri dengan kemudahan-kemudahan Kementerian atau dengan kemudahan-kemudahan swasta dan menerima segala nasihat dalam tabiat hidup mereka.

Dr Chen Man Hin: Saya rasa Kementerian pun sedar Hepatitis B adalah penyakit yang serius, masalahnya sekarang lalah kos untuk vaccination, kalau kita mahu merendahkan (limit) kos, saya rasa kita ikut satu program fasa satu, fasa dua.

Fasa satu ialah kumpulkan semua bayi-bayi yang baru dilahirkan sejumlah 500,000 orang setahun, kita mesti menyelamatkan mereka dahulu dan harga atau kos sekarang sudah turun sampai satu injection \$2.50 sahaja, dibandingkan dahulu \$100 dan kalau lain brand seperti dari Amerika Syarikat pun harga lebih kurang \$5.00—bukan mahal, sebab itu saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan, adakan satu program mass vaccination dengan segera, botekkah beri satu date atau satu tarikh?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya memang dengar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban, tetapi kita tidak dapat menerima bahawa kos pelalian itu adalah \$2.50 sahaja pada masa ini. Memang ada vaccination di pasaran yang belum lagi dapat tauliah daripada pihak WHO yang murah kosnya dan kita harap bahawa ubat-ubat ini dapat diterima sebagai berkesan dan tidak mempunyai akibat sampingan yang buruk dan sebagainya sebelum kita menerima vaccination itu dalam satu rancangan pelalian yang berleluasa. Kita harus berjaga-jaga dalam perkara ini.

Untuk masa ini kita harus kira bahawa satu program pelalian ini akan memakan belanja wang sebanyak \$290 seorang, harus untuk ubat-ubat yang sudah ada dalam pasaran. Memang kita sedang mengkaji dan meneliti ubat-ubat yang terdapat dalam pasaran yang belum lagi diberi tauliah daripada WHO. Jika diberi tauliah itu memang kita rasa senang hati untuk menerima rancangan itu dan kita

boleh menjalankan bukan sahaja fasa satu seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat, tetapi boleh menjalankan satu mass immunization secara senang sahaja, kerana kita mempunyai kemudahan yang cukup, kita mempunyai kakitangan yang cukup, kita mempunyai experience yang cukup dalam Program Mass Immunization. Pada masa ini malangnya belum lagi dapat menerima ubat-ubat yang dikatakan murah seperti yang diujahkan oleh Ahli Yang Berhormat, kita belum menerima ubat itu.

Dr Chen Man Hin: Minta maaf. Saya rasa maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah out-dated, saya harap betiau dapat nasihat daripada pegawainya yang pakar. Satu injection sekurang-kurangnya \$2.50, itu di Korea, tetapi di Jepun sudah ditauliah, Amerika juga ditauliah tetapi harganya tidak lebih \$5.00. Katau dibeli mass purchase \$5 seorang, kalau dikira satu program itu tidak lebih \$1 juta. Ini botoh menyelamatkan 500,000 bayi kita.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Pengerusi, saya memang tahu seperti Ahli Yang Berhormat dari Seremban tentang perkara-perkara perkembangan dalam bidang yang disebutkan oleh beliau. Pakar-pakar saya juga sedang menasihatkari saya, sampai pagi ini pun dinasihat juga tentang perkara ini.

Saya ucapkan terima kasih di atas cadangan beliau, tetapi malangnya kenyataan saya benar bahawa belum ada tauliah tentang ubat-ubat itu. Kita sedang meneliti perkara itu dan kita harap itu akan diberi tauliah untuk mendapat penerimaan dalam satu Program Mass Immunization dan kita membincangkan di sini bukan satu program yang dijaga secara rapat oleh seorang doktor yang boleh setiap hari mengkaji keadaan seorang pesakit, kita mencadangkan Program Mass

Immunization yang mungkin dikendalikan oleh pegawai para medic di kemudahan-kemudahan pusat-pusat kesihatan dan sebagainya. Kita harus mempunyai jaminan yang penuh tentang ubat-ubat yang diintroducekan dalam satu Program Mass Immunization bukan satu program persendirian yang boleh dijalankan oleh para consultant. Pada masa ini pun saya memang tahu tentang ubat-ubat yang disebutkan oleh beliau, kita di Kementerian bukan hendak tolak daripada tanggungjawab kita atau mengabaikan tanggungjawab kita, kita memang mengambil berat tentang keadaan virus Hepatitis B dan kita akan mulakan satu program yang berkesan dalam perkara ini sebaik sahaja kita dapat memutuskan beberapa aspek protokol-protokol dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Serian juga membangkitkan beberapa perkara, tetapi saya ingin menyentuh satu perkara sahaja yang dibangkitkan oleh beliau iaitu perkara rancangan pergigian untuk kanak-kanak sekolah di Sarawak. Memang Program Pergigian untuk kanak-kanak sekolah di Sarawak walaupun telah dimulakan beberapa tahun dahulu belum dapat liputan yang penuh iaitu comprehensive coverage, dengan izin, dan pada masa ini kita anggar bahawa lebih kurang 51.4% daripada murid-murid sekoiah teiah pun dimasukkan dalani liputan "School Dental House Programme", dengan izin, dengan lebih dari 174,000 murid-murid sekolah yang diberi rawatan melalui itu.

Di Sarawak kita mempunyai lebih kurang 133 sekolah yang dilengkapkan dengan klinik pergigian yang meliputi 95,000 orang murid dan di 485 sekolah lagi kita memberi perkhidmatan pergigian melalui Perkhidmatan Pasukan Pergigian Bergerak dan ini pula meliputi lebih daripada 78,000 orang murid. Harapan kita adalah

untuk meningkatkan lagi liputan dan mutukerja rancangan ini untuk kita mencegah beberapa penyakit pergigian yang dapat dicegah, jika pengawasan awal dapat diberi.

Liputan pada masa ini adalah baik dan rancangan-rancangan kita adalah memuaskan. Apa yang perlu adalah untuk kita meningkatkan liputan dan sebagainya. Dari segi kakitangan pula, Sarawak memang mempunyai Jururawat pergigian dengan angka yang memuaskan. Lebih kurang 16% daripada semua Jururawat Pergigian kita iaitu lebihkurang 1,000 orang, daripada itu lebih kurang 150 orang Jururawat pergigian adalah ditempatkan di Negeri Sarawak untuk memberi khasnya perkhidmatan kepada golongan kanak-kanak di sekolah dan pra sekolah dan sebagainya dan kita akan berusaha untuk meningkatkan program ini dan membawa faedah kepada lebih ramai daripada murid-murid khasnya dalam kawasan-kawasan pedalaman.

Mengenai hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang, malang, saya rasa Hospital Daerah Kluang ini adalah sebuah hospital yang sentiasa malang kerana kita memang mempunyai Ahli Parlimen bukan sahaja Ahli yang ada pada masa ini tetapi Ahli-ahli yang dahulu juga yang sentiasa membangkitkan kekurangan pakar perubatan dan sebagainya. Kita pula melantik beberapa doktor pakar di situ tetapi beberapa bulan sahaja selepas itu mereka meletakkan jawatan dan pergi buka kedai atau buka klinik sendiri dan sebagainya. Dalam perkara pakar perubatan yang ditempatkan selepas Ahli Yang Berhormat yang baru mengambil alih kawasan itu ceritanya sama, malangnya mereka meletak jawatan. Saya rasa satu cadangan yang saya dapat beri adalah untuk Ahli Parlimen jaga pakar-pakar perubatan mereka

dengan sebaik-baiknya untuk mengelakkan daripada mereka meletak jawatan.

Kluang nampaknya tidak dapat pegang atau memikat pakar-pakar yang kita melantik di situ. Tetapi kita berusaha terus untuk menempatkan pakar-pakar dalam berbagai bidang di Hospital Daerah Kluang kerana Kluang adalah sebuah pusat rawatan yang penting dalam sistem perkhidmatan kita,

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, panjang lagi?

Dato' K. Pathmanaban: Dua minit. Kita memang mempunyai pakar-pakar yang cukup pada masa ini dalam beberapa bidang dan kekurangan kita adalah dalam bidang tertentu sahaja. Tidaklah benar bahawa kita tidak mempunyai rancangan untuk menyediakan pakar-pakar ini. Apa yang kita membuat pada masa ini adalah untuk mengadakan beberapa jawatan Pendaftar atau Registrar dan beberapa jawatan Medical Officer Trainee yang menjadi peringkat penyediaan untuk para doktor memasuki peperiksaan peringkat II mendapat Ijazah Lanjutan dan sebagainya khasnya bidang pembedahan dalam bidang perbidanan dan sakitpuan (obstetrics and gynaecology). Bidang ini memerlukan satu tempoh masa latihan praktikal di bawah pakar-pakar yang bertauliah, sebelum mereka dapat memasuki peperiksaan Ijazah Lanjutan dan untuk memenuhi kehendak ini kita memang telah menyediakan lebihkurang 145 jawatan di dalam Kementerian kita yang dapat diterima oleh Kolej-kolej yang berkenaan sebagai memuaskan untuk latihan. Semua 145 jawatan ini diisi setiap masa untuk kita menyediakan para-pakar untuk masa-masa hadapan.

Biasanya, perlantikan mereka adalah untuk dua tahun dan mereka tidak akan ditukar daripada tempat itu sampai mereka menyelesaikan tempoh masa itu. Malangnya ada juga dalam satu-satu keadaan di mana beberapa pegawai yang ingin juga memasuki peperiksaan Ijazah Lanjutan dan tidak dapat diisi dalam 145 jawatan Pendaftar atau Medical Officer Trainee ini, yang harus menunggu sedikit sebelum mereka dapat mengikuti latihan itu.

Kita mementingkan pegawai-pegawai yang mempunyai minat yang positif dan sokongan yang penuh daripada hospital mereka untuk menerima mereka sebagai Registrar dan sebagainya. Seumpamanya mereka yang mempunyai lulusan Part I dalam Ijazah MRCOG atau MRCP, FRCS dan sebagainya diterima dalam jawatan Registrar. Mereka yang sudah selesai peperiksaan yang lain seperti peperiksaan Bahasa Malaysia dan sebagainya yang sudah sedia dari semua segi dan mempunyai minat yang positif untuk latihan lanjutan diterima dalam jawatan ini. Saya rasa jawatan 145 itu adalah banyak juga, tetapi kita akan cuba menambahkan lagi jawatan itu dan pada masa itu juga cuba meluaskan lagi kemudahan-kemudahan latihan di universiti-universiti tempatan untuk menyediakan pakar-pakar perunding untuk menentukan bahawa kita mempunyai kepakaran yang cukup dalam bidang kesihatan di tanahair kita.

Dan kita akan cuba juga memperbaiki lagi bayaran dan syarat-syarat perkhidmatan bagi mereka untuk menentukan bahawa mereka terus bekerja dengan Kerajaan. Tetapi kita tidak dapat memaksa sesiapa pun untuk terus bekerja sebegitu kerana dalam bidang-bidang yang tertentu penarikan daripada sektor swasta masih lagi kuat, walaupun bukan seperti masa-masa lampau.

Dalam kes disiplin yang ditimbulkan oleh beliau, saya telah meminta pegawai-pegawai saya siasat pada pagi ini apa yang dikatakan oleh beliau bahawa ada kes pegawai yang dipotong gaji selama tiga hari kerana beliau telah dapat bantuan daripada ahli-ahli politik dalam masalah perkhidmatannya. Walaupun kes detailnya tidak diberi oleh Ahli Yang Berhormat, kita telah kaji dengan Pengarah Kesihatan di Negeri Johor. Makluman yang saya diberi menunjukkan bahawa pegawai itu diambil tindakan potong gaji tiga hari bukan kerana hubungan dia dengan orang lain tetapi kerana tidak hadir di pejabat, "didn't turn up for work". Jadi gaji itu dipotong tiga hari kerana tidak hadir bekerja. Tetapi jika Ahli Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang lebih lanjut mengenai perkara ini, saya akan siasatlah perkara ini dengan dalamnya.

Memang kita tidak menggalakkan pegawai-pegawai kita mencari influence, dengan izin, daripada ahli-ahli politik ataupun orang-orang kenamaan untuk menyelesaikan masalah perkhidmatan mereka. Seperti saya kata tadi lebih daripada 80,000 pegawai bertugas dengan kita. Jika kita diperlukan untuk berhubung dengan Raja-raja, Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri yang lain dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah Kementerian, sudah tentu kita tidak dapat menjalankan satu perkhidmatan yang tertib dan berdisiplin, yang berkesan dan sebagainya. Kita tidak menggalakkan perhubungan seperti itu tetapi kita memang tidak begitu "hati batu" seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Itu sahaja saya ingin jawab kepada hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya ucapkan terima kasih di atasnya. Saya rasa beberapa perkara yang penting telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,117,411,900 untuk Maksud B.34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,117,411,900 untuk Maksud B.34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$121,987,800 yang disebutkan dalam Maksud P.34 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$121,987,800 untuk Maksud P.34 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.44 (Jadual)—

Maksud P. 44 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi Tuan D, P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Benut.

3.31 ptg.

Tuan Mohamed Tawfik bin Tun Dr Ismail (Sungai Benut): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan 44 Kementerian Penerangan, Program dan Aktiviti 030300 Akhbar dan Perhubungan di bawah Butiran 030000, di muka surat 194.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan saya di majlis pada 3hb November tahun ini, saya membangkitkan masalah liputan akhbar oleh Berita Nasional Malaysia atau BERNAMA dalam kes prebet Adam pada 19hb Oktober. Saya mengucapkan terima kasih pada Yang Berhormat Menteri Penerangan di atas jawapan yang beliau beri pada 10hb November. Saya mengalu-alukan kesediaan beliau untuk memperbaiki kelemahan BERNAMA. Hari ini di Jawatankuasa saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, kalau beliau sedar atau tidak pada 11hb Oktober pada pukul 1825 atau 6.25 petang BERNAMA telah mendedarkan satu berita nombor E680 AAE BMX yang mengatakan, dengan izin:

"The MCA said today it is prepared to support a DAP motion in Parliament against the appointment of teachers not proficient in Mandarin as administrators of Chinese schools if the issue cannot be resolved by the Cabinet and through the Barisan Nasional mechanism. Datuk Lee Kim Sai told this to reporters after attending a mass rally. . . ."

Bolehkah Yang Berhormat Menteri Penerangan menjelaskan pada Jawatankuasa benar atau tidak Yang Berhormat Menteri Buruh cuba minta kerjasama Menteri Penerangan supaya BERNAMA menarik balik laporah itu dan benar atau tidak BERNAMA enggan membuat sedemikian? Jika benar, peristiwa dan kepanasan suasana politik pada bulan Oktober mungkin tidak akan berlaku.

Adakah BERNAMA mempunyai satu kuasa yang luar dari Kementerian Penerangan yang boleh digunakan oleh badan itu untuk menentukan apa-apa sahaja? Adakah BERNAMA sedar bahawa kesan dari laporan seperti ini bukan sahaja merosakkan suasana politik di negara ini tetapi

menjejaskan imej negara kita di kalangan pelabur-pelabur asing terutama sekali dari Taiwan? Bukankah benar bahawa pelaburan dari Taiwan memberi faedah bukan pada masyarakat Cina di negara ini tetapi pada orang Melayu yang akan diberi pekerjaan di kilang-kilang yang ditubuhkan? Dan adakah benar bahawa selepas berita ini dikeluarkan beberapa pelabur dari negara Taiwan menarik balik tawaran mereka untuk melabur di negara ini? Jika laporan yang saya bacakan tadi palsu, apakah tindakan yang akan diambil pada mereka di BERNAMA yang terlibat dan apakah langkah yang boleh diambil untuk meningkatkan kesedaran BERNAMA terhadap dasar-dasar pelaburan Kerajaan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Gopeng.

3.34 *ptg.*

Dr Ting Chew PeK (Gopeng): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Butiran 020000—Perkhidmatan Penyiaran dan juga 020100 Rancangan, Maksud Bekalan 44, muka surat 193.

Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan kerana perkhidmatan diberikan itu begitu baik. Saya dapati rancangan-rancangan di kedua-dua rangkaian iaitu RTM 1 dan RTM 2 pada keseluruhannya agak tinggi mutunya. Tinggi mutu bukan sahaja dari segi isi kandungan tetapi juga dari segi cara dan teknik persembahan. Saya berharap kerja dan perkhidmatan yang baik itu dapat diteruskan.

Walau bagaimanapun, pada pandangan saya ada beberapa aspek yang masih dapat diperbaiki untuk meningkatkan lagi mutu penyiaran

dan rancangan. Perkara yang pertama, program-program yang berunsurkan pendidikan. Seperti yang kita sedia maklum kini sudah ada program-program yang bercorak pendidikan yang amat baik mutunya. Namun program-program yang sesuai bagi tnuirid-murid sekolah nampaknya masih tidak mencukupi dan masih boleh diperbanyakkan lagi. Saya mengemukakan cadangan ini dengan harapan untuk dijadikan TV bukan sahaja satu alat hiburan tetapi juga satu sumber ilmu pengetahuan bagi murid-murid sekalian.

Yang kedua, program-program yang menitikberatkan kebudayaan, adat resam, agama dan juga sistem nilai pelbagai kaum. Pada masa sekarang program-program mengenai unsur-unsur kebudayaan Melayu khasnya agama Islam mengambil masa yang agak banyak di RTM. Beberapa contoh yang dapat saya sebutkan di sini Rancangan Hadith Nabi, Rancangan Muqaddam, Bimbingan Agama, Sinar Islam, Tafsir Al-Ouran, Pedoman dan barangkali Sinar Zaman. Selain daripada itu ada juga filem-filem yang berunsur agama Islam dalam bulan Puasa. Saya rasa program yang mengenai kebudayaan kaum bukan Melayu itu tidak banyak disiarkan dan kalau ada pun cuma disiarkan pada hari perayaan yang tertentu, tidak ada program misalnya tentang agama kaum bukan Melayu. Jadi, oleh sebab itu saya ingin mengesyorkan supaya banyak lagi program mengenai kebudayaan dan agama bukan Islam disiarkan di RTM, kerana bagi saya, ini satu cara untuk memupuk persefahaman kaum. Dalam soal ini sekiranya pihak RTM berminat untuk menambahkan program-program yang saya sebutkan tadi iaitu berkaitan dengan kebudayaan ataupun adat resam, agama kaum bukan Melayu dan memerlukan apa-apa nasihat saya sudi memberikan pertolongan dalam apa jua bentuk.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, berhubung dengan waktu siaran Berita Mandarin. Pada ketika ini Berita Mandarin disiarkan pada pukul 6.40 petang dan waktu ini dirasakan oleh ramai penonton keturunan Cina kurang sesuai kerana masa ini bukan sahaja bercanggah dengan program Mandarin di TV3. tetapi juga pada ketika ini ramai belum lagi balik dari kerja dan surirumah pula sibuk dalam dapur pada waktu ini. Jadi, untuk memastikan semua maklumat disampaikan kepada para penonton secara berkesan, khususnya kepada mereka yang berbahasa Cina, saya berharap pihak Kementerian dapat menimbangkan permintaan ramai, iaitu supaya waktu siaran Berita Mandarin itu diubah ke satu masa yang lebih sesuai, misatnya pada pukul 9.30 malam ataupun 10.00 malam seperti dahulu.

Perkara yang keempat, berhubung dengan masa yang diperuntukkan bagi program-program Mandarin dan Tamil. Pada masa sekarang jumlah waktu siaran bagi RTM, iaitu RTM 1 dan 2 ialah kira-kira 136 jam seminggu dan program Mandarin mengambil masa kira-kira 10 jam seminggu, iaitu Filem kira-kira 7 jam, Berita 2 jam 20 minit dan Lembaran Minggu 25 minit. Dan bagi program bahasa Tamil, jumlah waktu siaran itu kira-kira 7 jam seminggu, iaitu Filem kira-kira 4 jam. Berita 2 jam 20 minit dan Tumpuan Minggu 45 minit. Jadi, dari segi peratusan program Mandarin dan Tamil mengambil masa kira-kira 12% daripada jumlah waktu siaran itu.

Memandangkan penduduk-penduduk keturunan Cina dan juga Tamil begitu ramai yang berminat dalam program Mandarin dan Tamil, maka saya ingin mencadangkan jumlah waktu siaran bagi program kedua-dua bahasa itu ditambah sedikit kalau boleh. Saya pasti penonton-penonton Cina dan juga India akan berterima kasih kepada Kementerian

Penerangan sekiranya pihak Kementerian mengambil tindakan yang tentu sekali akan dianggap sebagai bijak dan juga bercorak muhibbah itu.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja yang ingin saya kemukakan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dan Shah Alam.

4.43 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam); Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010000, Program 010100—Pentadbiran dan Kewangan dan Program 010200 Penerangan, Pembangunan dan Penyelidikan.

Kementerian Penerangan merupakan satu Kementerian yang amat penting sekali kepada negara. Satu-satunya Kementerian yang amat penting bagi memperkenalkan sesebuah negara itu sama ada di dalam ataupun di luar. Jika dibandingkan dengan Kementerian-kementerian lain, Kementerian ini merupakan satu Kementerian yang memainkan peranan menghubungkan rakyat dengan Kerajaan, Kerajaan dengan rakyat. Sebagai satu Kementerian yang amat penting, ia mesti memberikan keselesaan tempat bekerja, kemudahan yang cukup dari segi alat-alat di setiap Jabatannya. Didapati bangunan sekarang ini sudah lama dan waktu ianya dibangunkan dahulu kita tidak menyangka bahawa dari segi kakitangan sahaja boleh menjadi satu "force" yang amat besar sekali. Oleh yang demikian, saya berharap Kementerian ini akan dapat berusaha dengan sedaya upaya bagi memperluaskan keadaan Jabatan-jabatan yang didapati sempit, maat bercakap, antara kakitangannya duduk berlaga lutut. Saya percaya di bawah kepimpinan seorang Menteri

yang begitu dinamis sekali yang sudahpun mempunyai pengalaman-pengalaman yang begitu luas, saya percaya perkara ini boleh diatasi.

Satu lagi perkara yang saya ingin sentuh ialah sudah sampai, masanya Kementerian ini bagi memperbesarkan juga studio. Studio perlu ditambah bagi menambahkan lagi program-program. Yang pentingnya kelengkapan studio itu, iaitu studio itu perlu alat-alat moden, terutama di Bahagian Radio di seluruh negara. Ada terdapat di setengah Stesen Radio masih lagi mikrofon-mikrofon lama, alat-alat perakam yang lama. Saya percaya dengan usaha yang baru ini, sepertimana disebut oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan tadi, konsep barunya untuk mencari "revenue" Kerajaan, maka perkara-perkara seperti ini amatlah penting kepada Kementerian yang begitu penting sekali. Saya dapati alat perakam temubual yang dibawa oleh pegawai-pegawai kita ini 10-15 tahun yang lalu sehingga hari ini, TV yang dibawa itupun adalah TV yang lama jenisnya. Jadi saya haraplah kalau boleh perkara-perkara ini diambilkira dalam perubahan dan menyesuaikan dengan peruntukan yang ada pada hari ini.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah soal elaun perjalanan kakitangan yang bertugas di luar. Orang-orang biasa atau pegawai-pegawai rasanya kalau setiap hari disuruh bertugas, dia akan menjalankan tugasnya tetapi dengan cara "you pay first", dengan izin, caranya itu susah sedikit. Claim elaun itu mengambil masa agak lambat, sampai 2-3 bulan kemudian, tetapi kalau hari-hari di kena "assignment" luar, teruk jugalah dia kerana dia harus advance dahulu duit dia. Jadi saya harap perkara-perkara macam ini tidak dibangkitkan.

Satu perkara lagi yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan ada satu bahagian, iaitu Bahagian Pakaian di TV untuk para artis. Bahagian ini diwujudkan dahulu untuk para artis yang diundang tidak mengikut pakaian yang dikehendaki oleh program berkenaan kerana adanya garis panduan pakaian, kalau tak salah saya. Bahagian ini biasanya menyediakan pakaian-pakaian bagi artis-artis yang datang ketika itu. Jadi saya harap Bahagian ini juga dapat diberikan perhatian supaya ianya cukup lengkap dengan pakaian-pakaian yang sesuai mengikut citarasa masyarakat kita.

Dalam Butiran 03300 di bawah P44 saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. Badan ini diwujudkan untuk memasarkan filem-filem kita keluar negeri. Bila saya sebut "keluar negen", bukan sahaja ke Indonesia bahkan ke negara-negara Eropah kalau boleh. Saya dapat tahu bahawa Filem "Jasmin" dapat diedarkan sampai ke negara Eropah, tetapi filem-filem yang dibuat oleh pengeluar tempatan nampaknya agak sukar sedikit mendapat pasaran di negara-negara luar.

Adakah kerana lakunan artis-artis tidak baik atau ceritanya tidak kena atau producer atau pengarah filem tidak membuat filem yang betul atau ada sesuatu yang kita hendak jual tetapi orang tak mahu terima? Jika itulah sebab-sebabnya, sudah sewajarnya FINAS ataupun Perbadanan ini mendedelopkan skills mereka dengan mengadakan latihan-latihan dari skrip ke layar perak, mewujudkan penulis-penulis, pengarah-pengarah dan FINAS harus menjadi badan yang authoritative, dengan izin, dalam hal-hal seperti ini supaya kita dapat mengeluarkan filem-filem yang bermutu dan lakunan yang baik dan ia patut menjadi agen tunggal memasarkan filem-filem tempatan kita ke luar negeri.

Saya difahamkan juga bahawa FINAS yang mengeluarkan lesen untuk filem-filem video, kalau saya silap, saya harap dapat dibetulkan, dan saya difahamkan bahawa, ini sebahagian daripada bidang tugas FINAS. Pada hari ini media elektronik merupakan trendsetter, apa sahaja yang dapat dipamerkan di dalam TV akan membawa kesan kepada pengguna-penggunanya. Baru-baru ini sebuah institusi pelajaran tinggi di negara ini telah membuat satu survey atau bancian dan sample atau contoh yang diambil adalah dari 200 orang respondent antara umur 13-20 tahun yang mempunyai latar belakang kehidupan dari segi sosio-ekonomi yang berbeza di kawasan saya, Shah Alam dan di Klang.

Bancian ini dibuat untuk mengetahui minat mereka mengikut program di TV. Dari jumlah tersebut, 65.5% adalah mereka yang dikatakan ketagih dengan TV atau "avid viewers", mereka mesti melihat TV setiap hari tidak kurang antara 2-4 jam sehari. Ini bagi anak-anak muda di antara 13-20 tahun. Dari jumlah itu juga 46% suka program hiburan luar negeri, 28.5% yang hanya hendak mendapat maklumat, 8% sahaja yang minat pada politik dan 5.5% yang ingin mendalami ilmu agama. Ini membuktikan bahawa anak-anak kita lebih suka kepada program hiburan daripada aspek kehidupan yang lebih serius. Dari jumlah itu pula seramai 142 orang suka menonton program luar dari program tetapan. Program luar ini yang lebih dipentingkan ialah siri cerita jenayah seperti Macgyver, Knight Rider dan cerita-cerita macam Combat dan yang menunjukkan gara-gara keanasaji seperti merompak dan membunuh dan sebagainya. Dari sinilah lahirnya trendsetter yang saya maksudkan tadi. Kalaupun tidak semua, kalau kita stop pun TV, dia boleh cari tempat lain juga, tetapi di tempat lain itu soal lain, tetapi XV ini kita yang menjaga, kita yang

bertanggungjawab. Oleh itu, saya rasa perlulah FINAS dikaji balik haknya untuk menentukan lesen video yang dikeluarkan oleh FINAS itu.

Di bawah butiran 030000, 032000 Program Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat ini satu jabatan yang amat penting dalam dunia penerangan pada hari ini iaitu nadi pengerak kerana Pegawai Luar Sivik ini, mereka ini adalah untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan. Mereka ini bertugas hendak menyatu-padukan masyarakat di dalam sesebuah kampung, di dalam sesebuah kawasan. Yang penting ialah pemilihan pegawai-pegawai ini amat penting sekali, Tuan Pengerusi.

Mereka ini tidak boleh memihak kepada mana-mana kumpulan, kepada mana-mana pasukan. Mereka ini adalah suara Kerajaan. Dia mesti sampai ke kampung itu dan diterima oleh orang kampung itu apabila dikatakan penerangan hendak datang, dia mesti boleh dapat, kalau di dalam kampung itu ada 100 buah rumah, sekurang-kurangnya 50-60 buah rumah penduduk di kawasan itu mesti boleh datang mendengar ceramah Pegawai Penerangan ini. Tetapi jika Pegawai Penerangan ini memihak kepada satu-satu kumpulan, inilah yang akan mendatangkan bahaya.

Saya berharap dalam usaha Yang Berhormat Menteri untuk memilih, kerana saya difahamkan pada akhir tahun ini beliau akan mengadakan satu proses pengambilan bagi pegawai-pegawainya, maka saya rasa ini dapat dipertimbangkan.

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah Butiran 030400 Penerbitan. Bahagian Penerbitan mengeluarkan berbagai majalah bulanan, buku rasmi tahunan, buku-buku kecil seperti siri ucapan penting, siri pendidikan dan lain-lain. Sekarang Bahagian Penerbitan ini hanya boleh mengeluarkan untuk sebanyak 1% daripada jumlah penduduk negara ini untuk 15 juta penduduk dia

dapat hanya mengeluarkan 1% sahaja. Bagaimanakah mesej Kerajaan ini melalui majalah-majalah itu dapat sampai kepada rakyat. Ini termasuk Sabah dan Sarawak, 1% tadi, bagaimanakah, Tuan Pengerusi, bolehkah ianya sampai kepada matlamatnya? Kalau ditingkatkan pun kepada 5% dia memerlukan sekurang-kurangnya \$3-\$4 juta, tetapi pada kali ini saya lihat peruntukannya hanya \$740,000 sahaja. Rasa saya, satu usaha perlu dibuat oleh Kementerian ini untuk memperluaskan dan mencari usaha bagi meningkatkan Bahagian Penerbitan ini supaya rakyat keseluruhannya dapat menerima maklumat-maklumat penting daripada Kerajaan ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Seputeh.

4.57 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin merujukan kepada Butiran 020000, muka surat 193, di bawah program 020100 Rancangan.

Saya menyeru Kementerian Penerangan mengkaji semula rancangan-rancangan yang disiarkan melalui RTM Rangkaian Satu dan Dua dan juga dasar penerimaan iklan-iklan perdagangan daripada pihak swasta, berdasarkan bukti-bukti tersebut di bawah ini:

- (i) Dengan tanpa meneliti terlebih dahulu RTM sering menayangkan gambar-gambar yang berunsur keganasan, fanatik dan seks. Contohnya, filem Blood Cult, siri Ninja dan Samurai, siri Marlyn Monroe, The Bund dan sebagainya. Gambar-gambar seumpama ini adalah sama sekali bertentangan

dengan nilai-nilai ketimuran yang terkandung dalam kehidupan rakyat di rantau ini. Kebanyakan gambar-gambar dari luar negeri disiarkan pada waktu malam juga tidak bermutu dan tidak mendatangkan faedah kepada orang ramai. Rancangan seperti Life Style of The Rich and Famous dan Dallas pun membimbing kaum belia kita menuju ke arah mencari kemewahan hidup semata-mata. Adakah RTM menimbangkan akibatnya di mana banyak kaum pemuda kini sedang mengalami keruntuhan moral dan kehampaan kehidupan kerana kurang berpuas hati dalam kehidupan harian?

Di sini saya ingin memberi satu contoh yang telah berlaku di Amerika Syarikat, Tuan Pengerusi. Pada hari Ahad yang lalu, *Berita Harian* ada menyiarkan satu laporan dari Boston, Amerika Syarikat. Laporan itu menyatakan bahawa seorang budak lelaki yang berusia 5 tahun telah ditahan oleh Polis Boston selepas dia menikam seorang budak perempuan yang berumur dua tahun sebanyak sembilan kali. Apa yang lebih dahsyat lagi ialah pengakuan budak lelaki itu. Dia memberitahu Polis bahawa dia berbuat demikian kerana dia mahu mencontohi kelakuan serta watak-watak dalam filem seram "Friday The Thirteen" dan "Nightmare on Eon Street".

Perbuatan budak lelaki yang berumur lima tahun itu telah menunjukkan dengan sejelas-jelasnya betapa bahaya filem-filem televisyen terhadap fikiran-fikiran orang-orang yang muda dan yang belum matang.

Tuan Pengerusi, kenapa RTM jarang sekali memperkenalkan kepada para penonton rancangan-rancangan yang berunsur pendidikan seperti

"Glosby Show" untuk menggantikan siri-siri lawak jenaka dan kartun yang tidak membawa makna.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan iklan di televisyen. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa hal yang dianggap serius kepada masyarakat kita. Pertamanya ialah tentang iklan yang banyak menayangkan adigan yang mengiurkan atau memberahikan yang boleh dilihat atau ditonton pada setiap malam menerusi tklan jenama-jenama terkenal.

Kita harus mengambil kira bahawa masyarakat negara ini ialah sebuah masyarakat timur yang kaya dengan adat kesopanan. Sebahagian besar penonton televisyen dalam semua rangkaian ialah kanak-kanak yang sedang membesar dan melalui proses keremajaan. Kepada mereka tidaklah wajar kita menyogokkan mereka dengan iklan-iklan seumpama ini. Kementerian harus menyekat secepat mungkin pengiklanan-pengiklanan seumpama ini baik yang ditayangkan oleh RTM mahupun TV3.

Begitu juga dengan iklan-iklan makanan segera yang mana sasaran mereka ialah kanak-kanak yang merangsangkan mereka dengan pemberian berbagai bentuk hadiah permainan jika mereka membeli sesuatu jenama makanan segera. Ibubapalah yang menerima akibatnya kerana desakan si anak yang ingin membeli bukan sekali dua tetapi banyak kali kerana hendakkan hadiah yang ditawarkan seperti dalam tayangan televisyen.

Tuan Pengerusi, usaha Kerajaan membasmikan penagihan dadah tidak boleh dinafikan. Akan tetapi didapati iklan-iklan terutama iklan rokok yang kini telah mendirikan sesuatu imej bahawa sesiapa yang menggunakan barangan keluarannya barulah dapat menikmati kemewahan dan

kebanggaan hidup! Konsep yang salah ini pasti akan mendatangkan kesan yang buruk kepada kaum belia dan kanak-kanak yang sedang membesar di mana menonton televisyen telah merupakan sebahagian daripada isi kandungan hidup mereka. Setelah konsep yang salah telah dibubuh ke dalam pemikiran kanak-kanak atau kaum belia, maka masyarakat umumlah yang akan mengalami kerugian. Apakah Kerajaan asyik menerima bayaran iklan yang lumayan? Sebaliknya kebahagiaan generasi yang akan datang dikedepikan.

Tuan Pengerusi, ada pengaduan menyatakan bahawa skrip bahasa Cina yang ditulis oleh penulis tempatan sering ditolak dan digantikan dengan skrip yang ditulis oleh penulis bukan warganegara. Saya berharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapatlah menjelaskan kenapa terjadi begini. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Jerai.

5.07 ptg.

Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan bagi Kementerian Penerangan ini. Pertama sekali dalam Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran.

Kita sedar bahawa Kementerian Penerangan memang memainkan peranannya sebagai agensi utama dalam menyampaikan dasar-dasar Kerajaan kepada rakyat khususnya mengenai media elektronik. Oleh yang demikian, saya rasa dalam bahagian penyiaran terutama dalam televisyen; televisyen merupakan satu alat penting dalam media massa hari ini kerana dia amat popular. Oleh yang demikian perhatian yang begitu peka dalam hal ini harus Kementerian

Penerangan memberi perhatian yang wajar tentang program-program yang ada di televisyen itu.

Kita berasa bangga kerana dapat seorang Menteri, Yang Berhormat Menteri yang baru yang begitu gigih dalam mengendalikan Kementerian ini kerana Kementerian ini merupakan satu Kementerian yang penting. Kita harap supaya Yang Berhormat Menteri kita ini akan dapat mengubahsuai beberapa keadaan yang perlu bagi menyelenggarakan perjalanan televisyen kita supaya dia benar-benar menjadi satu media massa yang penting yang dinikmati oleh rakyat.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menegur tentang acara-acara hiburan yang dibuat dalam televisyen kita. Jemputan-jemputan agar artis-artis untuk mengambil bahagian di dalam acara-acara hiburan ini kadangkala kita dapati bahawa artis-artis muda ini seolah-olah sudah memonopoli dalam program-program televisyen kita. Memang ada artis-artis kita yang lama-lama, yang begitu baik suaranya serta tingkah laku mereka; yang sudah hampir-hampir dilupai yang patut mereka juga diberi tempat di dalam mengendalikan acara-acara hiburan yang sesuai bagi tahun-tahun cemerlang mereka itu.

Oleh yang demikian, pihak TV Malaysia, penerbit-penerbit di televisyen harus menjemput para-para artis yang baik yang masih hidup lagi untuk memberi khidmat mereka dalam menghibur rakyat kerana masih ada rakyat yang ingin hiburan-hiburan daripada artis-artis yang lama-lama ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

Kalau artis-artis ini ditinggalkan begitu sahaja, bukan sahaja peluang mata pencarian mereka tertutup dan mereka akan tinggal dengan keadaan

yang terbiar, kita juga akan kehilangan artis-artis yang boleh menjaga lagu-lagu nyanyian-nyanyian asli kita yang dipusakai dari zaman datuk nenek moyang kita, apatah lagi dalam zaman hari ini yang telah dimasuki, yang telah dinodai oleh kegiatan-kegiatan muzik dari Barat yang sedikit-sebanyak menghancurkan kesenian bangsa kita sendiri. Saya menyeru supaya Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian ini supaya artis-artis yang lama juga diberi perhatian supaya mereka diberi penghormatan dalam siri hiburan di TV dan Radio kita. Kita juga sedar bahawa artis ini penghibur-penghibur yang seumpama lilin membakar yang menerangi orang lain, sedangkan keadaan hidup mereka sendiri juga amat menyedihkan. Oleh yang demikian, bayaran-bayaran yang patut diberikan kepada mereka oleh TV dan sebagainya. Mereka harus diberi ganjaran yang setimpal dengan sumbangan-sumbangan mereka. Dan janganlah begitu lambat untuk membayar sebarang bayaran kepada mereka ketika mereka mengambil bahagian di dalam TV atau di Radio.

Tuan Pengerusi, saya juga dapat berpeluang melihat Angkasapuri di mana Yang Berhormat Menteri telah membawa kita melawat Angkasapuri dan kita lihat studio-studio di Angkasapuri sungguh menyedihkan. Dan kalau kita kata bahawa Wilayah amat bersih dalam semua bidang supaya jangan banyak sampah, tetapi saya rasa Studio di Angkasapuri ini lebih teruk keadaan sampahnya. Alat-alatnya juga amat buruk. Boleh kata, kita yang melihat kanta TV selalu terpedaya dengan colour yang ditunjuk di TV itu. Keadaan yang sebenarnya semua buruk-buruk belaka, tetapi gambar di TV, warnanya telah dapat menonjolkan imejnya.

Sebenarnya keadaan studio di Angkasapuri sendiri tidak patut lagi

dalam zaman yang begitu moden ini, patut digantikan dengan studio yang baru, yang melengkapinya kelengkapan yang lebih moden dan sophisticated. Oleh yang demikian, tidak hairanlah kalau dijemput para artis kita juga, kalau sudah make-up, akan rosak make-upnya dengan debu-debu yang ada di dalam Studio-studio di Angkasapuri itu. Mereka akan kembali semula membuat make-up mereka untuk mengambil filem dalam studio di Angkasapuri ini. Studio di Angkasapuri ini sama tua dengan Datuk Senu, dan Datuk Senu sudah tidak ada dalam Dewan ini, maka eloklah kita ada Menteri baru supaya studio ini juga patut diperbarui—sungguhpun beliau Menteri lama dan sudah masuk baru, kita memperbarui semula studio-studio yang ada di Angkasapuri itu.

Tuan Pengerusi, dalam soal penyiaran ini juga, saya ingin menyentuh tentang filem-filem iklan. Di antara filem-filem iklan ini ada juga filem-filem iklan yang menimbulkan soal gaya satu-satu jenis jenama. Kadang-kadang ini telah membawakan anak-anak kita hendak ikut style itu, style yang dipergunakan oleh iklan-iklan ini untuk jenama-jenama yang disebutkan itu. Kadang-kadang filem-filem ini juga menonjolkan sesuatu yang bercanggah dengan kebudayaan dan keperibadian bangsa kita, bangsa Timur ini. Oleh yang demikian, saya rasa sebelum filem iklan ini mengambil tempat di kanta TV kita, haruslah ia diberi perhatian wajar supaya tidak disalahgunakan, sebab walaupun kita hendak mengais keuntungan daripada iklan kita, tetapi kita juga telah rosak kerana filem-filem iklan itu yang sedikit-sebanyak menjejaskan kedudukan imej bangsa kita dan maruah keperibadian bangsa Timur ini. Oleh yang demikian, haruslah hal ini diberi perhatian yang sungguh-sungguh oleh Yang Berhormat Menteri kita.

Saya juga kesempatan pada satu waktu menonton TV3, oleh kerana saya masih menunggu Akta Penyiaran ini yang belum lagi Yang Berhormat Menteri kemukakan dalam Parlimen saya amat terkejut sekali bila melihat satu siaran TV3 pada jam 3 petang. Sewaktu mengunjungi sebuah rumah, saya dapati anak-anak kecil menonton filem ini, sedangkan filem ini begitu lucu, suatu adegan atas ranjang yang begitu mengiurkan dan kita sendiri bagi orang dewasa amat geli hati bila melihat anak-anak menonton. Akan terbukti pada anak-anak bahawa kedua ibu-bapanya teranjang di rumah begitu keadaan.

Kalau iniih satu keadaan yang boleh berlaku. boleh ditonton oleh anak-anak kecil yang tidak tahu baik dan buruknya, siapakah yang akan bertanggungjawab dalam soal ini. Oleh yang demikian, saya amat kesal sekali supaya Yang Berhormat Menteri Penerangan segerakan Akta Penyiaran ini supaya dapat kontrol, supaya dapat mengawasi tayangan filem terutama TV3 yang saya pernah lihat satu keadaan yang sungguh mengecewakan kita kerana kemajuan yang diperlihatkan oleh TV3 ini nampaknya melebihi daripada batas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Saya minta lima minit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Berapa minit?

Tuan Ghazali bin Ahmad: Lima minit.

Tuan Pengerusi: Minta gulung. Kita sudah memakan masa.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentuh dalam Kementerian Penerangan iaitu Bahagian Jabatan Penerangan. Nampaknya kegiatan sivik yang diberi peruntukan tahun ini telah pun dipotong sehingga \$231,900

daripada tahun lalu, sedangkan kegiatan sivik ini amat besar faedahnya terutama di kawasan-kawasan bandar. Sivik ini patut diberi satu peruntukan yang begitu besar kerana di bandar amat perlu kegiatan sivik ini. Tidak hairanlah kalau Barisan Nasional telah kalah di kawasan bandar kerana orang-orang di bandar jarang-jarang mengikuti sivik. Oleh yang demikian, bagi penduduk-penduduk di bandar harus diberi kegiatan sivik yang lebih meluas dan peruntukan sivik haruslah diberi dengan tambahan yang lebih baik.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkhidmatan penerangan Jabatan Penerangan. Saya dapati bahawa Pegawai-pegawai Penerangan Daerah amat bekerja kuat. Tetapi sungguh dukacita kalau kita melihat pegawai Penerangan Daerah ini, kedudukan mereka amatlah sedih. Saya hadiri dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan kita dapati semua ketua-ketua Jabatan Daerah yang hadir dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kesemuanya terdiri daripada kumpulan A, tetapi sayangnya daripada Jabatan Penerangan, Pegawai Penerangan Daerahnya itu ialah dalam Kumpulan "C". Oleh yang demikian haruslah Kementerian Penerangan upgradekan mereka. Kedudukan mereka sebagai Pegawai Penerangan Daerah patutlah dinaikkan daripada Kumpulan "C" ini kepada Kumpulan "A" atau Kumpulan "B" sekurangnya. Dan saya amat terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri telah pun mencadangkan hendak menyusun semula kegiatan penerangan di luar bandar, di daerah-daerah di mana pegawai-pegawai bahagian khas ini haruslah diberikan perhatian utama dan biarlah mereka yang benar-benar akan bekerja untuk kepentingan negara kita.

Soal Rukunegara juga harus menjadi satu perkara utama dalam menyampaikan message menyedari

rakyat kerana hari ini sudah lama Rukunegara berjalan, tetapi rakyat sudah lupa tentang Rukunegara dan patut ianya menjadi falsafah hidup kita, hidup masyarakat majmuk ini menggunakan Rukunegara menjadi falsafah hidup maka barulah dapat kita menjaga keadaan ketegangan kaum dan berbagai masalah lagi boleh diselesaikan menerusi Rukunegara, kalau ia benar-benar dijadikan falsafah hidup di sebuah negara yang bermasyarakat majmuk ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, kerana saya tahu Tuan Pengerusi hendak suruh saya gulung.

Tuan Pengerusi: Ya. Selepas ini saya hendak minta Menteri menjawab. Saya minta maaf kerana kita patut habis dua Kementenan pada huri ini.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya menyokong Belanjawan yang dibentangkan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila jawab

5.20ptg.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut, dari Gopeng, dari Shah Alam, dari Seputeh dan dari Jerai yang telah memberikan pandangan-pandangan mengenai perjalanan Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya dan saya rasa bahawa pandangan-pandangan yang telah diberikan itu amat berguna dalam saya menjalankan tugas di Kementerian ini. Kebetulan saya baru sahaja 6 bulan jadi Menterinya dan memang ada pandangan-pandangan yang telah diberikan itu adalah hampir serupa

dengan pandangan-pandangan saya sendiri iaitu dari segi cara mana kita hendak memperbaiki lagi perkhidmatan yang dapat diberi oleh Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya untuk kepentingan negara dan kepentingan rakyat sendiri.

Namun begitu, saya merasa bernasib baik sedikit kerana dahulu saya pernah ada di dalam Kementerian ini, kemudian saya dapat melihat Kementerian ini daripada luar, sekarang saya bertugas balik di Kementerian ini dan memanglah menjadi harapan saya bahawa perbaikan-perbaikan dapat kita buat agar peranan Kementerian ini akan lebih berkesan di dalam menegakkan kepentingan Kerajaan, kepentingan negara dan kepentingan rakyat sendiri.

Namun begitu, saya suka memaklumkan bahawa walaupun hasrat kita besar dan harapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian ini juga besar, saya ingin memaklumkan bahawa dalam keadaan di mana kita berada sekarang, terutama dari segi sekatan-sekatan yang ada, terutama dari segi peruntukan dan sebagainya yang telah menyebabkan kadangkala perjalanan Kementerian dan Jabatan-jabatannya menjadi lemah dan juga dari segi kedudukan pegawai-pegawai dan kekosongan-kekosongan yang harus ada yang belum terisi, memang banyak kalau hendak dikira Kementerian ini dan Jabatan-jabatan di bawahnya mengalami kekurangan pegawai lebih daripada 30%. Ini tidak termasuk potongan-potongan yang telah dibuat daripada peruntukan-peruntukan yang memang kita perlukan.

Namun begitu, kita tidak menganggap sebarang kekurangan perbelanjaan mahupun kekurangan tenaga yang harus ada pada Kementerian ini sebagai perkara yang

boleh melemahkan tugas kita. Kita telah menerima ini sebagai satu cabaran bagi kita melaksanakan tugas ini dengan lebih sempurna lagi.

Memang benar seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam tadi dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jerai, dilihat dengan keadaan yang terdapat di Angkasapuri dari segi ruang kerja baik ruang pejabat mahupun kedudukan studio-studio yang ada, ia memang merupakan perkara yang boleh dipersoalkan. Tetapi satu perkara yang hendak saya sebutkan di sini bahawa walaupun kita mengalami kekurangan ruang pejabat dan juga di Jahatan Penyiaran kadangkala meja ada; kerusi tidak ada pada satu ruang yang kecil dan meja itu digunakan oleh 4-5 orang, kesesakan itu memang menjadi satu masalah besar. Namun begitu, semangat bekerja dan disiplin di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya boleh saya anggap baik dan walaupun ada masalah-masalah itu bahawa minat bekerja mereka adolah tinggi. Ini merupakan satu modal besar. Sebab itu saya berani mengatakan bahawa walaupun ada kekurangan-kekurangan dari segi belanjawan, dari segi tenaga yang belum lagi diisi dan ada masalah ruang yang agak sesak dan peralatan yang agak lama, pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Jabatan-jabatan di bawahnya tetap dapat menunaikan tanggungjawabnya dengan cukup baik.

Tuan Pengerusi, kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh dua perkara saya nampak iaitu masalah kandungan rancangan-rancangan di Televisyen dan juga masalah iklan-iklan iaitu perkara-perkara yang ada kaitannya dengan keganasan, dengan perkara-perkara yang menggiurkan, atau dengan cara-cara yang boleh mewujudkan pengharapan-pengharapan yang

terlalu tinggi kepada rakyat kita terutama golongan muda, dengan kekhautiran bahawa rakyat muda kita akan meniru-niru tentang gaya atau life style, dengan izin, yang dapat dipamerkan melalui rancangan-rancangan di TV ataupun melalui iklan-iklan yang ada. Sama ada perkara ini dilakukan secara berlebihan atau tidak, itu satu masalah yang saya anggap relatif kerana ada yang mengatakan bahawa pendedahan kepada perkara-perkara yang sedemikian agak perlu juga bagi menyedarkan rakyat kita tentang perkara-perkara yang boleh mereka pelajari atau yang boleh mereka ambil iktibar daripada apa yang dilihat melalui rancangan-rancangan atau iklan-iklan yang dipaparkan melalui televisyen.

Namun demikian ada juga yang mengatakan bahawa perkara ini tidak baik, tetapi sejauh mana kita dapat memaparkan hal-hal yang sedemikian, atau sejauh mana kita boleh menyekat pemaparan hal-hal yang sedemikian, inilah perkara-perkara yang sedang kita timbangkan sekarang. Tetapi satu perkara yang saya hendak sebutkan di sini bahawa Malaysia sebagai negara yang sedang berkembang dengan rakyatnya yang kita harap akan dapat mempunyai daya berfikir dan nilai-nilai yang lebih maju, kita menganggap bahawa pendedahan-pendedahan tertentu kami anggap agak perlu juga, kerana kita tidak mahu rakyat Malaysia ini nanti jadi macam masyarakat yang "duduk di bawah tempurung" sahaja.

Rakyat Malaysia perlu untuk hal-hal tertentu didedahkan kepada perkara-perkara yang berlaku di seluruh dunia agar mereka dapat membuat penilaian-penilaian yang baik untuk memperkayakan dirinya, mungkin juga memperkayakan jiwanya supaya kita menjadi sebuah masyarakat yang seimbang, sebuah masyarakat yang mengenal baik dan yang buruk dan

sebuah masyarakat yang boleh membuat keputusan-keputusan yang baik bukan sahaja untuk dirinya, juga untuk masyarakat dan untuk negara.

Namun begitu, saya mengakui akan perlunya kawalan-kawalan dan kawalan-kawalan ini memang patut dibuat daripada semasa ke semasa agar badan-badan penyiaran di dalam negara ini, baik RTM sendiri mahupun TV3, tidak tergelincir daripada matlamat-matlamat yang ada terutama matiamat-matlamat negara dan pencapaian daripada nilai-nilai yang dianggap wajar dan membina untuk masyarakat dan negara bagi membolehkan masyarakat dan negara kita ini berkembang maju dan pesat pada masa-masa ke hadapan.

Saya ingin memaklumkan bahawa masalah kawalan yang lebih rapi terhadap kandungan-kandungan yang boleh disiarkan melalui radio dan televisyen, baik oleh radio dan televisyen Kerajaan atau.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun. Hendak beri jalan?

Dato' Mohamed bin Rahmat: Boleh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin penjelasan lanjut dari Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan-penjelasan yang telah diberi tadi, adakah penjelasan-penjelasan yang diberi tadi itu sebagai justifikasi kepada dilema RTM menghadapi cabaran iklan-iklan di mana Yang Berhormat Menteri telah sebut di dalam soalan mulut di Dewan ini yang mengatakan bahawa pihak RTM telah dipertanggungjawabkan juga untuk mendapatkan hasil-hasil dan dengan demikian RTM memerlukan juga kepada iklan-iklan. Jadi, adakah iklan-iklan ini mempengaruhi pihak RTM untuk

menayangkan gambar-gambar tertentu supaya mendapat penonton-penonton yang ramai dan mendapat bayaran iklan yang tinggi.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Pengerusi, sebagai menjawabnya, kita tidak menghadapi mana-mana dilema walaupun RTM pada hari ini diminta untuk menambahkan hasil, tetapi usaha menambahkan hasil ini tidak akan mengenyampingkan kepentingan-kepentingan yang lain dari segi peranan sebenar yang harus dimainkan oleh RTM dan ini tidak bererti jua bahawa kalau kita diminta untuk menambahkan hasil, kita boleh menunjuk apa sahaja asal lebih ramai rakyat menonton televisyen untuk kepentingan komersial, tidak! Kita hendak mencari apakah perimbangan yang baik dari segi untuk niencapai matlamat-matlamat yang ada, kerana dari segi televisyen, kita ada peranan-peranan kita untuk memberi penerangan, untuk mendidik, untuk menghibur, baru datang hasilnya. Cara mana imbalan ini dapat kita capai supaya matlamat-matlamat yang ada pada RTM sendiri, yang ada pada negara dan rakyat sendiri dapat juga kita penuhi.

Hal ini menjadi lebih penting lagi kerana kalau dikirakan sekarang jumlah penonton televisyen sahaja telah naik dan bertambah naik. Kalau dilihat dari segi penjualan set-set televisyen pun telah naik dan sebenarnya pada hari ini Televisyen Malaysia ini bukan sahaja ditonton oleh rakyat Malaysia, siaran kita diterima oleh seluruh Singapura, oleh seluruh Brunei Darussalam, oleh seluruh Indonesia, oleh Papua New Guinea mahupun Christmas Island dan termasuk juga sebahagian dahpada negeri Thailand dan negeri Pilipina yang bererti siaran-siaran kita ini bukan sahaja menjadi tontonan kepada rakyat kita sendiri, ia juga menjadi tontonan kepada lebih ramai rakyat di rantau ini.

Maka ini juga menjadi satu faktor yang harus kita ambil kira, tetapi dari segi hendak mencari imbalan yang paling baik, ini akan terus kita lakukan. Sebab itu saya katakan tadi kita perlu mengadakan kawalan-kawalan dan kawalan-kawalan ini tidak boleh diadakan secara peraturan biasa sahaja. Kalau dahulu, sebarang peraturan yang hendak kita buat ia tidak ada kekesanan dari segi undang-undang, sebab itu kadang kala orang tidak ikut. Kalau pun ada suatu peraturan, RTM sahaja yang ikut, tetapi TV3 kadangkala dia tidak ikut, walaupun dikeluarkan surat arahan yang saya tandatangani sendiri pun kadangkala dia tidak ikut, kerana mereka juga tahu bahawa tidak ada "the legal standing". Sebab selama ini, semenjak RTM wujud, dari segi radio—40 tahun, dari segi televisyen 25 tahun, belum ada pun satu Akta Penyiaran yang sekarang ini tiada merasa perlu. Akibat daripada berbagai reaksi yang timbul daripada kalangan rakyat sendiri akan pentingnya diadakan kawalan-kawalan terutama dari segi bahan-bahan yang disiarkan oleh stesen-stesen televisyen, maka telah pun diwujudkan satu Akta Penyiaran dan perkara yang penting dalam Akta Penyiaran itu ialah dari segi mengawal bahan-bahan yang boleh disiarkan melalui radio dan televisyen.

Bacaan Pertama Rang Undang-undang itu sudahpun dikemukakan di Dewan ini dan saya percaya apabila dibaca bagi kali kedua dan kali ketiga nanti baru Rang Undang-undang itu akan dapat diluluskan oleh Dewan ini dan dengan demikian akan adalah kuasa kepada Menteri Penerangan membuat peraturan-peraturan kerana undang-undang ini akan temberi kuasa kepada Menteri Penerangan membuat peraturan-peraturan mengenai perkara-perkara yang ada pada Akta itu, terutama masalah kawalan bahan-bahan yang boleh

disiarkan oleh televisyen dan oleh radio.

Kita akan menentukan bahawa peraturan yang akan dibuat melalui Akta ini nanti akan merupakan peraturan yang dapat memenuhi kehendak semua pihak, baik pihak Kerajaan mahupun pihak rakyat sendiri, tertama penonton-penonton dan juga dapat memenuhi matlamat nasional kita, dan sudah tentunya pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini saya anggap perlu untuk ditimbang nanti apabila peraturan-peraturan di buat dan "guidelines" yang akan ditentukan dari semasa ke semasa. Saya berjanji bahawa kawalan-kawalan ini akan dibuat dengan sebaik-baiknya dan diharap akan dapat memenuhi kepentingan daripada semua pihak.

Tuan Pengerusi, dari segi televisyen jua, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng tadi ada menyebut tentang kenapa tidak banyak rancangan-rancangan dalam bahasa Cina atau dalam bahasa Tamil. Sehenarnya jumlah jam yang telah ditambah bagi rancangan-rancangan dalam bahasa Tamil dan bahasa Cina sudahpun ada, walaupun ada permintaan supaya ditambah lagi.

Saya ingin hendak menyatakan di sini bahawa rancangan-rancangan yang dibuat dalam Bahasa Malaysia ataupun dalam bahasa Inggeris adalah merupakan rancangan-rancangan untuk semua kaum, tidak bererti bahawa kalau ada rancangan dalam Bahasa Malaysia, itu untuk orang Melayu sahaja, atau kalau ada rancangan dalam bahasa Inggeris, itu untuk orang yang bercakap Inggeris sahaja atau orang keturunan Inggeris sahaja atau yang suka kepada bahasa Inggeris sahaja. Rancangan-rancangan sedemikian adalah rancangan-rancangan untuk semua kaum, tetapi menimbang bahawa di Malaysia ini ada kelompok-kelompok manusia

yang masih belum faham atau belum fasih, sama ada dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, kita merasakan perlu untuk menghubungi mereka dengan mewujudkan rancangan-rancangan dalam bahasa Cina ataupun dalam bahasa Tamil. Itu untuk keperluan perhubungan sahaja. Tetapi saya suka menekankan di sini bahawa semua rancangan sebenarnya adalah untuk semua kaum.

Jadi, kalau tadi Ahli Yang Berhormat dari Gopeng minta supaya diadakan kuota, ditambahkan kuota, ini saya fikir tidak dapat saya timbangkan. Kalau dilihat dari matlamat Rangkaian Pertama yang merupakan Rangkaian Nasional, programnya untuk semua kaum agar melalui Rangkaian Nasional perpaduan rakyat berbilang kaum dapat dicapai. Dari segi Rangkaian Kedua ia merupakan rangkaian yang berbentuk "vernacular", dengan izin, atau yang menggunakan berbagai bahasa, tetapi tumpuannya ialah kepada penggunaan bahasa Inggeris.

Saya khuatir nanti kalau semua orang hendak lebih banyak dalam bahasanya sendiri, masalah puak-puak atau masalah perkauman ini akan terus berkembang, sedangkan matlamat kita ialah untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di dalam negara ini. Namun begitu atas kepentingan-kepetingan tertentu dari segi keperluan masa untuk terus menghubungi mereka yang belum fasih dalam bahasa Inggeris dan dalam Bahasa Malaysia, kita akan melihat secara mana program-program yang tertentu itu akan terus dapat kita perbaiki. Dalam hubungan ini masalah Berita dalam bahasa Cina seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng yang telah kita ubah daripada pukul 9.30 malam kepada 6.40 petang sekarang ini saya berasa hairan juga mengapa ini masih menjadi satu isu lagi.

Dahulu ramai penonton Cina mengatakan Berita pukul 9.30 malam tidak sesuai. sebab mereka mengatakan bahawa orang Cina hendak tidur cepat, jadi minta dicepatkan Berita. Kita telah mengkaji kedudukan berita-berita dan dengan wujudnya dua Berita baru iaitu Berita Wilayah dan Berita Dunia, maka kita dapat menyusun semula seluruh jadual dalam Berita-berita yang disiarkan oleh RTM. Kita menyiarkan sebahagian 56 Berita seminggu iaitu Berita Pagi, Berita Tengahari, Berita Wilayah, Berita Nasional, Berita Dunia, Berita dalam bahasa Tamil, bahasa Cina dan bahasa Inggeris dan kita hanya ada satu Studio untuk menyiarkan 56 Bulletin dalam satu minggu. Baru sekaranglah kita dapat peruntukan untuk merobahkan Studio 3 yang masih berbentuk hitam putih kepada Studio Warna.

Yang Berhormat dari Jerai mengatakan mengapa Studio ini kotor, sebenarnya keadaan studio itu sedang diubahsuai, maka terdapatlah keadaan kotor yang sedemikian. Tetapi itu sebenarnya keadaan studio yang biasa, apabila ubahsuainya sudah siap semuanya akan cantik. Walaupun Wilayah ini telah menjadi kota yang bersih saya tidak mahu juga RTM tidak dapat menjiwai keadaan sebenar yang ada di Wilayah. Dengan adanya satu Studio itu maka susahlah kita hendak buat jadual yang paling sesuai dan setelah kita ambilkira pandangan dari semua pihak, kita merasakan Berita bahasa Cina pukul 6.40 petang itu adalah sesuai. Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Gopeng mengatakan tidak sesuai, banyak penonton-penonton kita mengatakan bahawa waktu Berita itu adalah sesuai. Namun begitu selepas Studio 3 ini diperbaiki dijangka kita terpaksa menjadualkan semula sebab ada pandangan bahawa Berita Wilayah terlalu awal pada pukul 5.00 petang. Penonton Tamil juga

mengatakan bahawa waktu Berita Tamil pun tidak begitu sesuai.

Jadi, berilah peluang kepada Kementerian mengkaji balik masalah ini, tetapi kalau hendakkan Berita Cina pukul 10.00 malam atau pukul 9.30 malam, saya fikir agak sulit sedikit, sebab pukul 9.30 malam kita tetapkan untuk Berita bahasa Inggeris kerana jumlah penonton atau jumlah orang yang mengikuti Berita bahasa Inggeris adalah cukup besar dan 9.30 malam itu merupakan waktu yang paling sesuai untuk Berita Inggeris yang kita telah pindahkan dari Rangkaian Pertama kepada Rangkaian Kedua, yang dahulunya pukul 11.00 malam sekarang ialah pukul 9.30 malam.

Mengenai FINAS seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam, sebenarnya FINAS memang diberi kuasa untuk melesenkan pusat-pusat video. Itu memang sudah menjadi tugas FINAS, hanya masalah yang ada sekarang ini daripada rekod yang ada, kita baru dapat melesenkan 1,400 pusat video, sedangkan kita dapati ada 3,000 pusat video di seluruh negara. Jadi bererti ada juga pusat-pusat video yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Masalah yang ada pada FINAS ialah dari segi kakitangannya iaitu dari segi enforcmentnya FINAS belum lagi mendapat tenaga yang cukup, namun begitu usaha sedang dibuat bagi menambahkan kakitangan di dalam FINAS dan saya harap dari segi kawalan kepada pusat-pusat video ini akan dapat kita perbaiki lagi dan dengan demikian bahan-bahan yang dapat diedarkan melalui video itu akan dapat kita kawal dengan lebih baik lagi supaya tidak ada bahan-bahan yang dianggap melanggar aturan-aturan yang ada.

Ahli Yang Berhormat juga minta supaya FINAS mengedarkan filem-filem kita keluar negeri. Ini memang menjadi matlamat kita, tetapi kalau mutu filem kita masih belum tinggi masalahnya akan berbangkit dan usaha memperbaiki mutu filem keluaran Malaysia ini sedang kita usahakan. Oleh sebab itu dalam program perluasan FINAS, FINAS telah diminta bagi mewujudkan pusat latihan yang boleh melatih mereka yang terlibat di dalam industri ini.

Kita juga sedang berusaha untuk menubuhkan suatu akademi filem di mana kita harapkan semua pihak yang akan terlibat di dalam perusahaan filem ini akan mengikuti pendidikan melalui akademi ini dan kelayakan-kelayakan akan menjadi syarat-syarat yang akan membolehkan mereka yang terlibat itu mendapat pengiktirafan daripada berbagai segi. FINAS juga sedang berusaha bagi mewujudkan satu perkampungan filem dan melalui perkampungan filem ini kita harap akan ada kemudahan-kemudahan yang cukup di dalam perkampungan tersebut yang boleh digunakan untuk penggambaran filem-filem tempatan kita dan kita rasa melalui bidang latihan dan melalui akademi filem dan perkampungan filem ini dan dengan bantuan-bantuan lain yang dapat disediakan oleh FINAS bahawa kedudukan mutu filem-filem kita akan dapat diperbaiki lagi pada masa-masa hadapan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Sungai Benut menyatakan tadi bahawa apakah benar BERNAMA mengeluarkan berita mengenai kenyataan Encik Lee Kim Sai. Saya ingin menyatakan di sini bahawa perkara itu benar kerana waktu berita itu keluar BERNAMA menghubungi saya, saya menanyakan balik benar atau tidak benar kenyataan daripada Yang Berhormat Encik Lee Kim Sai. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat dari Sungai

Benut menanyakan pada saya sama ada Yang Berhormat Encik Lee Kim Sai meminta pertolongan saya supaya ditarik balik berita itu, saya ingin menafikannya.

Yang Berhormat Encik Lee Kim Sai tidak pernah menghubungi saya selepas keluar berita itu meminta kerjasama saya agar BERNAMA menarik balik berita itu. Kalau sekiranya berita itu tidak betul, saya fikir ada hak kepada orang yang membuat kenyataan itu iaitu dalam hal ini Yang Berhormat Encik Lee Kim Sai.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat wakil dari Ulu Langat.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Saya minta maaf. Yang Berhormat wakil dari Ulu Langat menarik balik atau menafikan kenyataan itu tetapi kalau hendak meminta BERNAMA menarik balik atau menafikan berita itu, ini satu perkara yang saya anggap tidak biasa kerana kenyataan setelah dibuat dan mana-mana pihak yang tidak setuju dengan berita itu berhak menatikan berita yang sedemikian. Dan kalau hendak dikatakan bahawa BERNAMA bertanggungjawab untuk mencetuskan satu keadaan yang agak luar biasa atau ketegangan seperti yang berlaku akhir-akhir ini, saya fikir kalau hendak dikatakan BERNAMA bertanggungjawab, banyak orang lain yang lebih bertanggungjawab, saya fikir tidak adil bagi menuduh BERNAMA sebagai punca kepada keadaan yang timbul baru-baru ini. Tugas BERNAMA hanyalah membuat liputan dan sebarang liputan yang dibuat oleh BERNAMA mestilah dipertanggungjawabkan dan liputan BERNAMA mesti betul dan kalau tidak betul pihak yang merasa tidak puas hati boleh membuat bantahan ataupun boleh membuat penafian kepada berita yang keluar itu. Saya tidak percaya kalau pun ada pelabur-pelabur daripada Taiwan yang

patutnya datang tarik balik atau mana-mana pelabur lain yang telah tarik balik atau tidak jadi melabur di sini kerana adanya laporan daripada BERNAMA itu.

Saya akui bahawa kalau ada kelemahan-kelemahan kepada BERNAMA, ini akan diberi perhatian dan diambil tindakan dan kelemahan-kelemahan itu memang ada. Kita sedang berusaha sekarang bagi memperbaiki kelemahan yang ada supaya BERNAMA bergerak mengikut tujuannya yang sebenar dan dapat memenuhi matlamat-matlamat ianya ditubuhkan.

Suatu Lembaga baru BERNAMA telah pun diwujudkan dan saya serahkannya kepada Lembaga yang baru ini untuk menentukan bahawa sebarang kelemahan yang ada pada BERNAMA itu dapat diperbaiki daripada semasa ke semasa agar BERNAMA terus kuat, terus dapat memenuhi matlamat ianya ditubuhkan.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Penerangan, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Shah Alam dan juga daripada Jerai menyebut tadi agar mereka yang sesuai, yang benar-benar dapat menjalankan tugas mereka dilantik ke jawatan ini kerana jawatan ini adalah penting. Memang benar sebahagian besar daripada mereka itu akan tamat kontraknya di antaranya bulan Februari dan bulan April tahun hadapan. Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian telah pun mencadangkan supaya diadakan temuduga semula bagi semua pegawai-pegawai luar yang ada itu supaya kita akan memperoleh pegawai-pegawai yang bukan sahaja sesuai tetapi mempunyai kebolehan-kebolehan dan kemampuan-kemampuan yang tinggi agar peranan yang dapat dimainkan oleh Bahagian ini untuk Kerajaan, untuk negara dan untuk rakyat dapat tercapai, dapat

dilaksana dengan sebaik-baiknya dan kita harap mereka tidak akan memihak seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Shah Alam dan bahawa mereka akan bekerja dengan setia kepada tugasnya juga kepada Kerajaan, kepada rakyat dan kepada negara.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara lain yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ambil pandangan dan saya harap pandangan-pandangan itu akan dapat dimasukkan nanti di dalam sebarang perbaikan-perbaikan yang akan dapat dilakukan oleh Kementerian ini baik pun untuk RTM, Jabatan Penerangan mahu pun Jabatan-jabatan lain yang ada. Oleh itu saya sekali lagi ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan mereka dan sekian sahaja yang hendak saya maklumkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$218,884,800 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$218,884,800 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,648,940 yang disebutkan dalam Maksud P.44 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,648,940 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.45 (Jadual)—

Maksud P.45 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.45 dan kepada Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Sungai Petani.

6.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan secara ringkas sahaja kerana saya rasa masa tersangat singkat bagi kita. Saya akan sentuh Butiran 04000 Keselamatan, Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja, muka surat 200.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi mengenai masalah-masalah pekerja atau buruh di estet-estet. Kita tahu bahawa buruh-buruh yang bekerja di estet-estet atau di ladang-ladang ini memang sudah lama, sejarah mereka sudah lama semenjak dari penjajahan dahulu lagi dan kebanyakan daripada mereka tinggal di estet-estet atau diladang-ladang itu sejak zaman berzaman. Dan keadaan mereka kadang-kadang menghadapi masalah-masalah yang rumit apatah lagi kepada buruh-buruh yang tidak bernasib baik dan tidak mendapat anak untuk membantunya semasa tua.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak ada qouram.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak ada qouram. 21 orang. Sila bunyikan locing.

(*Locing dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 32 Ahli hadir*).

Tuan Pengerusi: 32 orang. Sila teruskan, sudah ada qouram.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, buruh-buruh yang malang ini terutamanya ialah buruh-buruh yang telah sampai umur 50 tahun atau 55 tahun atau apa yang dikatakan sudah pencen atau bersara sungguhpun mereka tidak mendapat wang persaraan, mereka ini tidak mempunyai anak, apabila mereka tidak ada mempunyai anak yang bekerja di dalam ladang-ladang itu, mereka terpaksa meninggalkan ladang itu sedangkan dahulunya mereka tinggal di rumah-rumah yang disediakan oleh ladang-ladang itu.

Jadi, dari segi peri kemanusiaan kemanalah hendak pergi orang tua-tua sama ada daripada keturunan India ataupun daripada keturunan Melayu atau daripada keturunan Cina akan pergi setelah mereka tua dan tidak ada anak. Mereka juga tahu harga diri mereka dan Kerajaan juga tidak mahu banyak menanggung beban, maka mereka pun tidak juga mahu pergi ke rumah-rumah kebajikan setelah mereka dihalau keluar daripada rumah-rumah yang mereka tinggal beberapa tahun itu.

Jadi, saya mencadangkan kepada Kementerian Buruh supaya dapat apalah kiranya mengkaji, meneliti dan membuat perancangan supaya disediakan perumahan atau rumah tempat tinggal sama ada melalui potongan-potongan gaji mereka semasa muda untuk disediakan tempat-tempat tinggal kepada mereka ini selepas daripada mereka tidak dapat bekerja lagi di ladang-ladang yang berkenaan, dengan sebab itu dapatlah satu pembelaan kepada mereka.

Yang kedua, ialah mengenai kemudahan asas seperti elektrik dan air. Di dalam jawapan di dalam Dewan yang mulia ini pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menjelaskan bahawa peruntukan-peruntukan bagi kemudahan-kemudahan asas ini hanyalah disalurkan kepada kampung-kampung, kepada pendalaman-pendalaman ke luar bandar, manakala kemudahan-kemudahan asas di ladang-ladang disediakan sendiri oleh ladang-ladang berkenaan.

Baru-baru ini saya ada mendengar satu berita daripada ladang yang telah saya lawati ke situ menyatakan bahawa pihak ladang-ladang berkenaan bersedia untuk menampung separuh daripada perbelanjaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan api dan air ke ladang-ladang dan mereka meminta supaya separuh lagi dibiayai oleh pihak Kerajaan. Ini adalah satu perkara sangat mustahak, kerana walaupun pihak ladang-ladang telah menyediakan kemudahan-kemudahan api dan air tetapi kemudahan-kemudahan itu tidak mencukupi, kerana kadang-kadang kalau diberi api hanya mulai daripada pukul 7.00 sehingga pukul 10.00 sedangkan buruh-buruh yang bekerja di ladang ini sudah balik ke rumah semenjak pukul 2.00 lagi, jadi kadang-kadang kalau ada program TV pukul 3.00 mereka tidak dapat melihat dan menuntun TV dan lebih malang lagi dengan sebab tidak ada perkara yang hendak dilakukan atau hendak dilihat, hendak dituntun maka mereka telah pergi minum todi dan timbullah beberapa masalah-masalah baru.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara ialah mengenai pekerja-pekerja sama ada pegawai atau kakitangan Kerajaan yang kadang-kadang terdedah kepada bahaya-bahaya tertentu, maka kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang terdedah

dengan bencana-bencana dan kemalangan-kemalangan ini eloklah pihak Kementerian Buruh memikirkan dan merancang untuk memberi kemudahan insuran kepada mereka.

Saya mengambil contoh, umpamanya seperti pegawai perubatan, kakitangan perubatan yang dihantar ke penjara dan merek« adalah terdedah kepada kemalangan. terdedah kepada peristiwa-peristiwa yang kadang-kadang mungkin boleh meragut nyawa mereka. Maka. . . .

Tuan Pengerusi: Di bawah kepala apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Keselamatan.

Tuan Pengerusi: Yalah, tetapi adakah termasuk di dalam Kementerian Buruh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ini maksud saya supaya pihak Kementerian Buruh dapat merundingkan dengan pihak-pihak yang lain. Sebenarnya saya akan bincangkan perkara ini dalam Kementerian Kewangan tetapi saya tidak dapat peluang, jadi saya sentoh dekat sini sahajalah.

Tuan Pengerusi: Yalah. Hendak kaitkan di sini.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Jadi saya hendak sebutkan sedikit sahaja iaitu pegawai-pegawai yang pergi ke penjara. Dan lagi satu ialah posmen-posmen yang terdedah kepada berbagai-bagai kemalangan.

Saya rasa itulah sahaja dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada muka surat 200, Butiran 040000, Program/Aktiviti Keselamatan Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja.

Aspek keselamatan perindustrian merupakan satu aspek yang penting untuk sebuah negara seperti Malaysia yang telah bertapak untuk mencapai industrialisasi dan saya meragui sama ada Kerajaan sehingga hari ini telah mengadakan satu Dasar Kebangsaan mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerja.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menitikberatkan perkara ini memandangkan kepada banyak kejadian-kejadian mengenai kemalangan dalam industri-industri yang telah berlaku di negara kita, untuk mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya dapat memperkenalkan satu Dasar Kebangsaan mengenai keselamatan pekerja ini. Saya berpendapat bahawa dasar mengenai keselamatan pekerja ini yang saya menitikberatkan di sini adalah sangat perlu untuk mengatasi perkara-perkara berkaitan dengan bahaya kesihatan pekerjaan yang terdapat di persekitaran tempat kerja, di samping mencegah atau sekurang-kurangnya mengurangkan kecederaan perindustrian dan ancaman kesihatan kepada para pekerja di tempat kerja mereka.

Adalah tidak mencukupi dengan hanya mempunyai satu Akta yang dinamakan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta ini dibantu, disokong oleh 13 jenis peraturan mengenai penyelesaian masalah-masalah keselamatan dan kesihatan pekerjaan memandangkan proses industrialisasi yang pesat di seluruh negara dan bahaya kesihatan pekerjaan yang wujud dalam industri pada hari ini. Usaha-usaha Kerajaan melindungi

keselamatan dan kesihatan para pekerja sehingga hari ini hanya tertumpu pada asasnya terhadap menguatkuasakan undang-undang menerusi pemeriksaan ke tempat-tempat kerja, peralatan dan mendakwa mana-mana majikan-majikan yang degit, yang tidak mengikuti Akta itu. Jadi sedemikian, adalah juga diragui sama ada Jabatan Kilang dan Jentera ini berupaya melaksanakan penguatkuasaan dengan berkesan memandangkan Jabatan berkenaan mempunyai kakitangan yang terhad dan juga peruntukan kewangan yang terbatas.

Mengenai aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan, saya mendapati dalam buku ini bahawa Kementerian pun telah mengambil langkah-langkah untuk menubuhkan satu Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, satu cadangan yang saya sering bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini selama beberapa tahun yang lalu. Walaupun saya bersukacita nampak bahawa institut yang dicadangkan ini telah menerima sokongan Kementerian yang berkenaan tetapi saya merasa amat dukacita bahawa Kerajaan tidak membuat apa-apa peruntukan bagi membolehkannya berfungsi. Apa yang saya dapat nampak di sini ialah hanya "token vote" \$10 di bawah Anggaran Pembangunan Maksud P.45, Butiran 02200 dalam muka surat 202.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya kewangan tidak sepatutnya menjadi satu masalah ataupun satu halangan kepada operasi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Jika Kerajaan tidak berupaya memberikan peruntukan kepada institut berkenaan kerana kemerosotan ekonomi, maka saya mencadangkan institut ini boleh dibiayai oleh Badan PERKESO atau SOCSO. Ini mungkin kerana kedudukan kewangan SOCSO yang teguh dan memandangkan peruntukan

seperti terkandung di bawah seksyen 71 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang menyatakan bahawa kumpulan wang itu boleh dibelanjakan bagi pembaikan kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta kebajikan orang-orang yang diinsurankan.

Tuan Pengerusi, daripada Laporan Tahunan PERKESO tahun 1985 saya mendapati jumlah pendapatan PERKESO ialah \$190.5 juta sehingga akhir tahun 1985 berbanding dengan \$160.4 juta pada akhir tahun 1984, sebaliknya jumlah pebelanjaan PERKESO dan pembayaran kepada para pekerja dalam bentuk pelbagai faedah adalah sangat rendah. Dalam tahun 1985 jumlah yang dibayar keluar ialah \$28.7 juta, sementara dalam tahun 1984 ialah \$18.9 juta.

Daripada angka-angka di atas adalah jelas bahawa PERKESO ialah satu pertubuhan yang kaya, yang berada dalam kedudukan terbaik untuk membiayai penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Memandangkan sumber kewangannya yang besar itu, PERKESO hendaklah juga menimbangkan memperkenalkan satu skim keselamatan sosial yang lebih komprehensif, yang diperluaskan untuk melindungi, dengan izin, "contingencies" baru seperti bersalin dan sakit. Masanya telah tiba bagi mempertuahkan perlindungan insuran sosial kepada syarikat-syarikat yang mempunyai pekerja kurang daripada 5 orang, di samping mereka yang bekerja sendiri atau "self-employed", dengan izin, seperti peladang dan nelayan.

Sekarang saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Butiran 030000, Program Keharmonian Perhubungan Perusahaan.

Berhubung dengan perkara perhubungan perusahaan dan arbitrase (timbangtara), saya suka menarik perhatian Kementerian berkenaan kepada satu masalah yang memberi kesan yang serius ke atas keharmonian perusahaan iaitu keengganan mematuhi award-award yang diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan. Keengganan mematuhi pembayaran award mahkamah oleh majikan-majikan telah menjadi satu perkara yang serius dan saya sendiri menerima banyak aduan daripada pekerja-pekerja yang terlibat.

Nampaknya, sudah menjadi satu tabiat atau kecenderungan majikan-majikan untuk mengeneipkan award Mahkamah Perusahaan kerana mereka mengetahui bahawa Seksyen 56 (3) Akta Perhubungan Perusahaan tidak boleh dikuatkuasakan secara berkesan kerana tindakan yang lemah daripada pihak Polis yang menjadi pihak berkuasa penguatkuasaan.

Mahkamah Perusahaan menghabiskan banyak masa menyelesaikan pertikaian perindustrian sebelum membuat sesuatu keputusan. Akan tetapi, masa dan wang rakyat akan dibazirkan jika award-award ini tidak dikuatkuasakan oleh pihak Polis.

Jika pihak Polis tidak berupaya menyegerakan tindakan selepas laporan-laporan dibuat kepada mereka kerana keengganan majikan membayar award ataupun mematuhi award kepada pekerja yang terlibat, maka saya ingin mencadangkan bahawa Mahkamah Perusahaan hendaklah diberi kuasa-kuasa penguatkuasaan yang lebih besar, yang lebih comprehensive bagi memastikan award itu dapat dipatuhi.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya suka merujuk kepada butiran 050000 mengenai Program ataupun Aktiviti Pentadbiran Undang-undang dan Menggalakkan Piawai Buruh.

Apabila saya membincangkan program atau aktiviti ini, saya suka mengambil peluang ini untuk menyeru dan menggesa Kementerian yang berkenaan supaya menyahut seruan yang sentiasa dibuat sejak tahun 1948 supaya suatu "Gaji Hidup Minima" bagi pekerja-pekerja ditetapkan. Suatu "Gaji Hidup Minima" yang ditetapkan itu akan membolehkan pekerja-pekerja biasa menyediakan keperluan-keperluan asas bagi dirinya. Saya menyeru pihak Kerajaan supaya membuat kajian dan pertimbangan yang serius terhadap cadangan ini demi kepentingan keadilan dan kesaksamaan para pekerja dan bukan sekadar diketepikan sahaja oleh Kerajaan atas alasan-alasan yang tidak munasabah.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sungai Petani dan juga Ahli dari Bukit Bintang kerana telah membahaskan dan membangkitkan beberapa perkara di bawah Kementerian ini.

Terlebih dahulu, saya ingin menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Beliau telah membangkitkan masalah berkenaan dengan keselamatan perindustrian iaitu berkenaan dengan keselamatan dan kesejahteraan pekerja.

Memanglah perkara ini, Tuan Pengerusi, adalah merupakan perkara yang dititikberatkan oleh Kerajaan, malahan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri sendiri sangat berminat tentang perkara ini dan beliau pernah membuat suatu ucapan khas yang berkaitan. Apa yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian melalui Jabatan Kilang dan Jentera ialah mengadakan langkah-langkah dari semasa ke semasa yang perlu untuk mengatasi masalah ini.

Sebelum daripada itu, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mencadangkan supaya diadakan suatu, apa yang dipanggil Dasar Keselamatan Kebangsaan berkenaan dengan kesejahteraan, keselamatan dan juga kebajikan pekerja. Cadangan ini sebenarnya adalah sangat baik, tetapi sehingga setakat ini, kita tidak lagi bercadang ataupun mengkaji untuk diwujudkan dasar ini. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah diambil untuk meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan pekerja seperti langkah-langkah yang berikut:

- (i) Satu Majlis Penasihat yang bergelar "Majlis Penasihat Keselamatan dan Kesihatan Kerja" adalah ditubuhkan pada 3hb September, 1985 oleh Yang Berhormat Menteri Buruh.
- (ii) Tujuan Majlis ini adalah untuk menasihatkan Menteri berhubung dengan pembentukan, pelaksanaan dan pengkajian dasar negara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan kerja. Tujuan polisi tersebut ialah untuk mencegah kecederaan dan kerosakan pada kesihatan diri yang berbangkit dari atau dikaitkan dengan atau berlaku semasa menjalankan kerja dengan mengurangkan sctakat mana yang munasabah sebab-sebab berlakunya bencana yang berpatutan dengan suasana kerja. Majlis ini terdiri daripada komposisi

berbagai-bagai pihak dan sedang berjalan urusannya untuk membincangkan masalah ini;

Perkara yang kedua, Ahli Yang Berhormat itu telah membangkitkan masalah berkenaan dengan kemalangan. Memang benarlah bahawa dari semasa ke semasa, kemalangan itu berlaku dan dengan perkembangan perindustrian negara dan dengan pertumbuhan pesat perindustrian, kemalangan bertambah banyak berlaku.

Sukacita saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa soal keselamatan dan kesejahteraan pekerja adalah tanggungjawab sepenuhnya pihak majikan. Satu daripada usaha untuk mencegah kemalangan ialah melalui pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Jabatan Kilang dan Jentera. Pegawai-pegawai ini mengenalpasti bahaya yang ada di tempat kerja dan mengarahkan pihak majikan untuk mengawal bahaya itu. Usaha pihak Kerajaan sahaja memanglah tidak mencukupi untuk mengawal kemalangan ataupun penyakit perusahaan.

Satu pendekatan baru, bagi makluman Dewan yang mulia ini, yang dimajukan ialah apa yang dinamakan "self regulation". Melalui pendekatan ini, majikan dan pekerja sendiri yang menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan tanpa menunggu arahan dari pihak Kerajaan. Pendekatan ini memerlukan sikap baru dari majikan dan pekerja yang mementingkan Keselamatan dan kesihatan pekerjaan setiap masa. Sikap baru ini memerlukan juga kerjasama antara dua pihak.

Sehubungan dengan itu, Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan sekali lagi berkenaan dengan institut

keselamatan dan kesihatan kerja yang mana pada tahun lalu juga telah dibangkitkan. Suka saya memaklumkan bahawa langkah-langkah telah kita ambil dan Kerajaan telah memperuntukan sebanyak \$1 juta sebagai langkah awalan, tetapi saya juga suka memaklumkan kepada Dewan ini bukanlah bererti tidak berat kita hendak mengadakan, tetapi belanjanya besar. Di Finland sebagai contohnya, institut ini telah ditubuhkan dan setahun belanja operasinya ialah sebanyak \$40 juta, bukan belanja pembinaan tetapi tiap-tiap tahun memakan perbelanjaan \$40 juta.

Tuan Lee Lam Thye: Untuk penjelasan. Sungguhpun saya memahami bahawa penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan pekerja ini memakan belanja yang banyak, saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menggunakan saluran tertentu ataupun caruman dalam PERKESO untuk membantu dalam penubuhan institut, ini memandangkan tadi saya telah pun terangkan bahawa PERKESO dalam kedudukan yang terbaik sekali memandangkan simpanannya yang begitu banyak.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Pengerusi, saya belum lagi habis menjawab perkara itu dan, insya Allah, akan sampai. Di Finland, institut ini telah ditubuhkan dengan perbelanjaan operasi pada tiap-tiap tahun sebanyak \$40 juta. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak nampak adanya satu halangan demi untuk kesejahteraan rakyat, walau banyak perbelanjaan pun, kita akan sanggup mengadakannya demi untuk kepentingan negara.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan di Malaysia ini, balik kepada negara kita, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah bersetuju

untuk menubuhkan sebuah Insitut Kesetamatan dan Kesihatan Kerja, walaupun perbelanjaannya besar, dengan peruntukan permulaan sebanyak \$1 juta, saya sudahpun sebutkan tadi.

Dengan tujuan Kerajaan ini, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) telah bersetuju untuk menyediakan seorang pakar yang dijangka akan sampai pada awal tahun 1988 untuk memberikan cadangan-cadangan serta pandangan-pandangan untuk menubuhkan institut tersebut berkenaan dengan kewangan, kakitangan, objektif, skop kerja dan masalah pentadbiran yang lain. Tetapi saya suka memaklumkan di Dewan ini, meskipun tidak ada institut ini, pada masa sekarang, di bawah "Fourth Country Programme of the UNDP", Pertubuhan Buruh Antarabangsa telah menghantar seorang pakar ILO sekarang ini untuk menyediakan module latihan dan sukatan pelajaran untuk pihak pengurusan, penyelidikan dan pekerja-pekerja sektor swasta di dalam bidang keselamatan dan kesihatan kerja.

Pada masa yang sama juga di bawah bimbingan UNDP, pegawai-pegawai yang bekerja dalam Jabatan ini akan diberikan latihan di bawah fellowship untuk menghadiri berbagai-bagai kursus keselamatan dan kesihatan. Sehingga sekarang seramai 5 orang pegawai dari Jabatan ini (JKJ) telah dihantar untuk menghadiri latihan tersebut. Adalah diharapkan program-program latihan itu akan dapat dibuat sebelum bermutunya institut tersebut dan menjadi sebahagian dahpudanya. Maksud saya, Tuan Pengerusi, ialah, inilah permulaan perkembangan institut ini daripada kita mengadakan program ini, ia seterusnya mewujudkan sebuah institut.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah cukuplah. Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.